

SUKATAN PELAJARAN BAHASA MELAYU (PROGRAM KHAS) SEKOLAH MENENGAH

2025



Ministry of Education
SINGAPORE

© 2025 Curriculum Planning and Development Division.

This publication is not for sale. Permission is granted to reproduce this publication in its entirety for personal or non-commercial educational use only. All other rights reserved

FALSAFAH KURIKULUM SINGAPURA

Pendidikan di Singapura bertujuan untuk mencapai Hasil Pendidikan yang Diingini supaya pelajar kita siap sedia bagi masa hadapan, mempunyai semangat identiti nasional yang kukuh, dan dilengkapi dengan kemahiran untuk melibatkan diri dan menyumbang dalam dunia global. Pendidikan kita beraspirasi untuk menyerlahkan keterampilan sebenar pelajar kita supaya mereka dapat diperkasa bagi menjalani kehidupan dengan sepenuhnya, menyumbang dan menjaga masyarakat dan negara. Hal ini membolehkan para pelajar kita membina minat mereka untuk mengejar cita-cita dan memenuhi aspirasi mereka.

Untuk merealisasikan matlamat pendidikan di Singapura, kurikulum direka bentuk untuk membangunkan watak, minda dan diri pelajar kita. Hal ini berfungsi untuk memupuk nilai, membangunkan pengetahuan, kemahiran dan perwatakan mereka. Kurikulum kita menyediakan pengalaman pembelajaran untuk pelajar-pelajar kita berinteraksi secara aktif dan membina hubungan dengan orang lain sama ada di ruang fizikal atau ruang digital. Dengan berbuat demikian, mereka menyedari bahawa mereka merupakan sebahagian daripada masyarakat. Dengan ini, mereka belajar untuk menerima kepelbagaian dan bekerjasama dengan orang dari latar belakang yang berbeza.

Falsafah Kurikulum Singapura menyampaikan kepercayaan teras frateniti tenaga pengajar setempat yang meletakkan keperluan setiap pelajar dalam keputusan-keputusan berkaitan pendidikan kita. Kepercayaan inilah yang memandu proses reka bentuk dan pelaksanaan kurikulum kita. Hal ini menyokong teguh amalan dan membimbing tindakan pengajaran kita supaya setiap pelajar berterlibat dalam pembelajarannya. Falsafah Kurikulum Singapura menerangkan peranan kita dan peranan pelajar kita dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

KANDUNGAN

Bahagian 1 – Tujuan

- Halaman 4

1.1 Pengenalan

1.2 Hasil Pendidikan Yang Diingini - Kecekapan Abad ke-21

1.3 Tujuan dan Objektif

Bahagian 2 – Kandungan

- Halaman 9

2.1 Kecekapan Bahasa

2.2 Pengetahuan Silang Budaya

2.3 Jangkaan Pemerolehan Bahasa Berdasarkan Peringkat

2.4 Tatabahasa

Bahagian 3 – Pedagogi

- Halaman 20

3.1 Pertimbangan Pengajaran dan Pembelajaran

3.2 Pengajaran Tatabahasa

3.3 Pengajaran Kosa Kata

3.4 Amalan Pengajaran Singapura (STP)

3.5 Penggunaan Teknologi dalam Pendidikan

3.6 Perancangan Program Bahasa Melayu (Program Khas)

Bahagian 4 – Penilaian

- Halaman 31

4.1 Matlamat Penilaian

4.2 Penilaian Pembelajaran

4.3 Penilaian Seimbang

4.4 Penilaian Berasaskan Sekolah

4.5 Perancangan Penilaian

4.6 E-Penilaian

Lampiran

- Halaman 36

A: Kemahiran dan Pengetahuan Bahasa

B: Domain dan Topik

C: *Common European Framework of Reference for Languages (CEFR):*

Skala Global

D-1: 24 Aspek Pengajaran STP

D-2: Pengajaran dan Pembelajaran

Bahagian 1 - Tujuan

1.1 Pengenalan

1.2 Hasil Pendidikan Yang Diingini - Kecekapan Abad ke-21

1.3 Tujuan Pembelajaran Bahasa

1.1 PENGENALAN

Bahasa Melayu sebagai Bahasa Ketiga mula ditawarkan kepada pelajar-pelajar di peringkat Menengah Satu pada tahun 1986. Memandangkan kepentingan bahasa Melayu di peringkat serantau, peluang untuk menawarkan subjek ini diperluas kepada lebih ramai pelajar yang menunjukkan minat dan kecenderungan untuk mempelajari bahasa Melayu sebagai bahasa ketiga selain bahasa ibunda mereka.

Dengan mempelajari Bahasa Melayu sebagai Bahasa Ketiga, pelajar-pelajar bukan penutur jati bahasa Melayu berupaya untuk berkomunikasi lebih daripada satu bahasa dan hal ini memberikan peluang kepada mereka untuk mempelajari dan memahami adat, kesenian, sastera, sosiobudaya, sejarah, tamadun dan alam Melayu. Aspek-aspek ini diharapkan dapat dikaitkan dengan budaya mereka sendiri dan memupuk kesedaran dan rasa peka terhadap kepelbagaian bahasa dan budaya kaum lain. Aset sedemikian dapat mengukuhkan lagi kompak sosial dalam masyarakat majmuk seperti Singapura. Selain itu, mereka berpeluang untuk meningkatkan keperibadian, kecakapan dan meraih keuntungan dari sudut ekonomi dan sosial melalui hubungan diplomatik dan perdagangan dengan jiran-jiran di peringkat serantau.

Memandangkan pelajar yang menawarkan Bahasa Melayu (Program Khas) di Menengah Satu tidak mempelajari Bahasa Melayu sebagai subjek teras di peringkat sekolah rendah, kandungan pembelajaran yang disampaikan kepada pelajar harus relevan dengan profil dan kesediaan murid. Selain itu, pembelajaran pembezaan harus ditekankan untuk memenuhi keupayaan yang pelbagai. Penggunaan alat informasi dan komunikasi pula dapat memperkukuh pengetahuan dan pemahaman pelajar serta menjadikan pengajaran lebih menarik.

Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu (Program Khas) 2025 ini memberikan gambaran menyeluruh tentang pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu (Program Khas) yang merangkumi matlamat, objektif, kemahiran dan pengetahuan bahasa, hasil pembelajaran, pengisian kurikulum, pedagogi, program Bahasa Melayu (Program Khas) dan penilaian.

Sukatan pelajaran ini perlu digunakan sebagai rujukan rasmi bagi kemahiran dan pengetahuan bahasa yang perlu diajarkan kepada pelajar Bahasa Melayu (Program Khas). Kurikulum Bahasa Melayu (Program Khas) bermula dengan kohort Menengah 1 tahun 2025.


Pembinaan sukatan pelajaran ini telah melibatkan pelbagai pihak yang berkepentingan termasuk guru, pelajar, ketua sekolah, guru pakar dan ahli akademik. Yang berikut ialah pautan-pautan yang berhubung dengan dasar, sukatan, bahan-bahan pengajaran dan jaringan sokongan:

- MOE: <https://www.moe.gov.sg/>
- Bahasa Ibunda: <https://www.moe.gov.sg/secondary/schools-offering-full-sbb/syllabus>
- SLS: <https://www.learning.moe.edu.sg/>
- AST: <https://academyofsingaporeteachers.moe.edu.sg>
- Pusat Bahasa Melayu Singapura: <https://mlcs.moe.edu.sg/>
- Kecekapan Abad ke-21: www.moe.gov.sg/education-in-sg/21st-century-competencies
- Bahagian Pendidikan Teknologi: <https://sites.google.com/moe.edu.sg/guide-to-e-pedagogy/edtech-ps>
- OPAL2.0: <https://idm.opal2.moe.edu.sg/>

1.2 HASIL PENDIDIKAN YANG DIINGINI – KECEKAPAN ABAD KE-21

Globalisasi, perubahan demografi dan perkembangan teknologi antara perkara yang menjadi penentu semasa dan masa hadapan. Justeru, pelajar perlu disediakan dengan pengetahuan, kecekapan dan kemahiran bukan sahaja untuk menghadapi cabaran bahkan merebut peluang yang ada.

Dengan mengenal pasti nilai-nilai teras dan kecekapan yang semakin penting, kurikulum yang dibina menyediakan pendidikan holistik¹ yang dapat membina Kecekapan Abad ke-21 pelajar. Rajah 1 menerangkan Hasil Pendidikan yang Diingini² dan Kecekapan Abad ke-21.



Rajah 1: Hasil Pendidikan yang Diingini dan Kecekapan Abad ke-21

Nilai Teras yang terdapat di tengah-tengah lingkaran dalam Rajah 1 merujuk Kemahiran Sosial dan Emosi, iaitu kemahiran yang perlu dimiliki oleh seseorang pelajar untuk mengenal dan mengurus emosi mereka, membina sifat penyayang, bertanggungjawab dan prihatin terhadap orang lain, membuat keputusan yang baik dan bijak, menjalin hubungan yang positif serta menangani situasi yang mencabar dengan berkesan.

Lingkaran luar kerangka konsep pula menerangkan Kecekapan 21CC Memuncul yang diperlukan dalam dunia sejagat. Kemahiran-kemahiran tersebut ialah **Kemahiran Komunikasi, Kolaborasi dan Informasi, Literasi Sivik, Global dan Silang Budaya; serta Berfikir Secara Kritis, Adaptif dan Inventif**. Kemahiran-kemahiran ini membolehkan pelajar-pelajar untuk menyesuaikan diri dengan perubahan dan berfungsi secara berkesan dalam dunia yang pesat berkembang.

Bahasa Melayu (Program Khas) lebih memberikan tumpuan kepada Kemahiran Komunikasi, Kolaborasi dan Informasi serta Literasi Sivik, Global dan Silang Budaya. Hal ini sesuai dengan matlamat kurikulum pelajar-pelajar bukan penutur jati bahasa Melayu untuk membina keupayaan berkomunikasi lebih daripada satu bahasa agar dapat berhubung dengan masyarakat Melayu bukan sahaja di Singapura malah juga dengan masyarakat Melayu di negara-negara jiran. Pengetahuan tentang budaya Melayu yang digarap melalui pengalaman pembelajaran Bahasa Melayu (Program Khas) diharap akan dapat mewujudkan kesedaran terhadap budaya masyarakat sasaran. Keterkaitan dengan budaya mereka sendiri dapat memupuk rasa peka terhadap

¹ Maklumat lanjut tentang Pendidikan di Singapura boleh didapati daripada www.moe.gov.sg/education-in-sg

² Hasil Pendidikan Yang Diingini untuk peringkat-peringkat utama, iaitu peringkat rendah, menengah dan posmenengah boleh didapati daripada: www.moe.gov.sg/education-in-sg/desired-outcomes


kepelbagaian bahasa dan budaya kaum lain. Aset sedemikian dapat mengukuhkan lagi kompak sosial dalam masyarakat majmuk seperti Singapura. Kemahiran-kemahiran ini juga membolehkan pelajar untuk berfungsi dalam persekitaran yang cepat berubah, kerap menggunakan alat digital dan saling terhubung.

Untuk maklumat lanjut tentang Kecekapan Abad Ke-21 yang telah dikemas kini pada tahun 2023, sila layari laman MOE di www.moe.gov.sg/education-in-sg/21st-century-competencies.

1.3 TUJUAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN BAHASA

1.3.1 Tujuan

Kurikulum Bahasa Melayu (Program Khas) 2025 bertujuan untuk melahirkan pengguna bahasa yang cekap melalui pembelajaran yang menyeronokkan.



Rajah 2: Kerangka Kurikulum Bahasa Melayu (Program Khas)

Lingkar luar kerangka kurikulum Bahasa Melayu (Program Khas) merujuk tujuan pengajaran dan pembelajaran bahasa agar pelajar-pelajar dapat dibekalkan dengan keupayaan untuk:

- berkomunikasi** secara efektif dalam bahasa Melayu dalam kehidupan harian dan alam pekerjaan dengan menggunakan bahasa Melayu baku dari aspek ejaan, kosa kata, istilah, tatabahasa, laras dan sebutan berdasarkan konteks yang berkaitan dengan diri dan sekitarnya;
- memahami **budaya** Melayu melalui adat, kesenian, sastera dan sejarah masyarakat Melayu agar lebih peka terhadap budaya yang berbeza dan mempertingkatkan kecerdasan budaya pelajar;
- berhubung** dengan masyarakat Melayu setempat dan di peringkat Nusantara yang bertutur dalam bahasa Melayu dan yang mengamalkan budaya dan nilai Melayu bagi memperdalam pemahaman tentang perhubungan silang budaya.

Penggabungan kemahiran bahasa dan pengetahuan bahasa diterapkan dalam pengajaran dan pembelajaran untuk membina kemahiran berkomunikasi agar menjadi penutur yang cekap dengan mengambil

kira keperluan sosiobudaya dan wacana yang diperlukan. Hal ini dilakukan melalui tiga pendekatan teras yang disarankan iaitu pendekatan komunikatif, pendekatan dialogik dan e-Pedagogi.

Penerangan lanjut mengenai tiga pendekatan ini akan diberikan dalam bahagian-bahagian selanjutnya.

Justeru, kurikulum Bahasa Melayu (Program Khas) yang bertujuan untuk meniti budaya dan membuka minda pelajar diharapkan dapat membolehkan mereka untuk melihat bahasa sebagai alat penyatu antara masyarakat berlainan kaum. Lebih penting lagi, pelajar diharap akan dapat memahami konteks penggunaan bahasa dalam masyarakat Melayu yang menyentuh aspek norma-norma sosial dan budaya, adat dan tradisi serta pandangan sarwa masyarakat tersebut. Oleh yang demikian, hal ini dapat meningkatkan kepekaan dan rasa hormat dalam berinteraksi sama ada secara bersemuka, dalam talian, secara lisan mahupun dalam tulisan khususnya dalam konteks silang budaya.

Bahagian 2 - Kandungan

2.1 Kecekapan Bahasa

2.2 Pengetahuan Silang Budaya

2.3 Jangkaan Pemerolehan Bahasa Berdasarkan Peringkat


2.4 Tatabahasa

2.1 KECEKAPAN BAHASA

Kecekapan bahasa merujuk pada keupayaan untuk menggunakan bahasa dengan baik dan fasih dari sudut tatabahasa, ejaan dan tulisan, kosa kata, istilah, laras bahasa dan sebutan untuk menghasilkan pelbagai tugas yang berbeza sepanjang kursus pembelajaran bahasa. Untuk mencapai objektif umum pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu, pelajar perlu dilengkapi dengan pengetahuan bahasa dan menguasai keenam-enam kemahiran bahasa: mendengar, bertutur, membaca, menulis, interaksi lisan dan interaksi penulisan. Pengetahuan dan penguasaan kemahiran bahasa tersebut merupakan antara elemen yang membolehkan pelajar menggunakan bahasa Melayu dengan fasih, yakin, cekap dan berkesan.

Pada masa yang sama, pengetahuan bahasa yang merangkumi aspek **linguistik**, **sosiolinguistik** dan **pragmatik** juga perlu diajarkan kepada pelajar. Aspek linguistik yang perlu diajarkan termasuklah tatabahasa, fonologi, ortografi, dan leksikon. Aspek sosiolinguistik pula menyentuh elemen laras dan rujukan budaya masyarakat sasaran. Bagi aspek pragmatik pula, pelajar dikenalkan dengan fungsi-fungsi bahasa, aspek paralinguistik, pengantaraan dan mengambil giliran dalam pertuturan.

Kecekapan bahasa terbahagi kepada dua komponen: kemahiran bahasa dan pengetahuan bahasa.



Rajah 3: Bidang Kecekapan Bahasa

Untuk penerangan lanjut mengenai kecekapan bahasa yang perlu diperoleh pelajar, rujuk **LAMPIRAN A**.

2.1.1 Kecekapan Komunikatif

Oleh yang demikian, pengajaran Bahasa Melayu (Program Khas) perlu menekankan pentingnya kecekapan komunikatif³ agar pelajar dapat menggunakan kemahiran dan pengetahuan bahasa yang diperoleh dalam konteks komunikasi bahasa yang bermakna dalam domain-domain kehidupan mereka. Elemen-elemen yang perlu digabungkan untuk membina kecekapan komunikatif: **strategik**, **wacana**, **sosiolinguistik** dan **tatabahasa** seperti yang tertera dalam Rajah 4.

³ Dell Hymes (1972) menggunakan istilah Communicative Competence yang merujuk keupayaan menggunakan bahasa yang betul dari segi fungsi sosial dalam masyarakat sementara Canale (1983) merujuk Communicative Competence sebagai hubungan dan interaksi antara kecekapan tatabahasa, kecekapan sosiolinguistik, kecekapan wacana dan kecekapan stragetik.



Rajah 4: Elemen Kecekapan Komunikatif⁴

Untuk mencapai matlamat dan objektif pengajaran dan pembelajaran bahasa ketiga ini, guru perlu mengambil kira keempat-empat komponen kecekapan komunikatif:

- i. **kecekapan strategik** merujuk kepada keupayaan pelajar menggunakan beberapa strategi apabila komunikasi gagal difahami. Hal ini termasuklah isyarat lisan dan bukan lisan seperti mimik muka, pergerakan anggota badan, mengulangi sebutan, melakonkan makna, meminta penjelasan dan penggunaan laras bahasa yang sesuai. Hal ini merujuk kepada aspek paralinguistik dalam pembelajaran bahasa asing.
- ii. **wacana** merujuk kepada keupayaan pelajar menguasai bentuk-bentuk tatabahasa, kosa kata, sistem bunyi dan ejaan untuk menyusun dan menggabungkan idea secara kohesi dan koheren dan menggunakan idea-idea tersebut dalam komunikasi, baik dalam bentuk lisan mahupun tulisan.
- iii. **kecekapan sociolinguistik** merujuk kepada keupayaan pelajar menggunakan kemahiran dan pengetahuan bahasa dalam konteks sosial dan budaya seperti laras bahasa, kesantunan bahasa, peribahasa dan ungkapan.
- iv. **tatabahasa** diterapkan secara eksplisit agar pelajar dapat menguasai bahasa dengan lebih baik. Tatabahasa diserapkan dalam penggunaan berdasarkan konteks, situasi, fungsi dan khalayak.

Kecekapan komunikatif tercapai apabila pelajar dapat menggabungkan kemahiran dan pengetahuan bahasa dalam satu peristiwa bahasa dengan mengambil kira keperluan sosiobudaya dan wacana yang diperlukan.

2.1.2 Pendekatan Komunikatif

Pendekatan Komunikatif dalam Pengajaran Bahasa⁵ merujuk pengajaran bahasa yang menekankan aspek komunikatif berdasarkan tugas yang diberikan kepada pelajar. Pendekatan komunikatif memberi penerangan kepada pemaknaan kata atau ayat dalam sesuatu konteks penggunaan bahasa. Penutur yang cekap harus mempunyai kecekapan bahasa, iaitu pengetahuan tatabahasa Melayu yang dipelajarinya dan juga mempunyai kecekapan komunikatif. Hal ini membolehkan penutur untuk berkomunikasi dengan menggunakan laras bahasa, intonasi dan gerak yang sesuai dalam situasi tertentu.

Pengajaran bahasa berasaskan tugas harus mengandungi komponen-komponen yang berikut:

⁴ Diadaptasi daripada Canale & Swain (1980) dan Canale (1983).

⁵ Jack C Richards (2006): Communicative Language Teaching


- i. **aspek komunikasi** dengan memberikan tumpuan kepada interaksi dua hala yang bermakna dan autentik sesuai dengan tujuan, khlayak dan konteks.
- ii. **berpusatkan pelajar** dengan menyediakan ruang untuk pelajar berhubung dengan penutur lain sama ada pelajar dengan rakan sebaya, pelajar dengan guru atau pelajar dengan masyarakat untuk menggunakan bahasa Melayu.
- iii. **guru selaku pemudah cara** melalui teknik-teknik penyoalan, tunjuk ajar dan memberikan maklum balas agar pelajar dapat mengemudi secara sendiri untuk melengkapkan tugas yang diberikan.
- iv. **sumber pengajaran** yang berbentuk multimodal untuk meluaskan dan memperkaya pengajaran bahasa melalui penggabungjalinan kemahiran bahasa untuk mempelbagaikan masukan-interaksi-hasilan atau *input-interaction-output*.

2.1.3 Fungsi Bahasa

Sehubungan dengan kecekapan komunikatif yang ditekankan dalam kurikulum Bahasa Melayu (Program Khas) 2025, fungsi-fungsi bahasa perlu dikuasai oleh pelajar agar dapat menggunakan bahasa dalam konteks-konteks tertentu. Konteks-konteks ini adalah seperti yang berikut:

- Berinteraksi dalam situasi sosial seperti memberi ucapan selamat, bertanya khabar dan memperkenalkan diri.
- Menyatakan keperluan seperti bertanyakan arah, memohon sesuatu dan meminta bantuan.
- Menerangkan sesuatu perkara/peristiwa atau melaporkan sesuatu insiden.
- Bertukar-tukar informasi, menyatakan pandangan/perasaan atau berkongsi pengalaman peribadi.
- Memberi arahan dan melakukan tindak balas terhadap arahan yang diterima.
- Memulakan dan mengekalkan perbualan termasuklah keperluan untuk bertanyakan soalan lanjut dan memparafrasa.

Untuk menyediakan pembelajaran Bahasa Melayu (Program Khas) yang membina keupayaan pelajar menggunakan bahasa dengan fasih dan cekap, konteks berdasarkan domain-domain khusus disediakan. Domain ini meliputi empat jenis iaitu domain peribadi, keluarga, sekolah dan sekitar (termasuklah masyarakat dan serantau). Lihat **LAMPIRAN B** untuk penerangan lanjut tentang Domain dan Subtopik.



Rajah 5: Domain pembelajaran

2.2 PENGETAHUAN SILANG BUDAYA

Pelajar-pelajar Bahasa Melayu (Program Khas) berupaya untuk menggunakan bahasa Melayu sebagai jambatan yang menghubungkan dua budaya yang berbeza. Peluang untuk berinteraksi dengan masyarakat Melayu perlu disokong dengan pemahaman dan rasa hormat akan budaya masyarakat tersebut. Pengetahuan asas tentang budaya masyarakat sasaran ini membolehkan mereka berkomunikasi dengan cara yang lebih peka dalam interaksi harian.

Pengetahuan tentang adat, kesenian, sastera, sosiobudaya, sejarah, tamadun dan alam Melayu membolehkan pelajar lebih peka apabila memberikan respons mereka sama ada secara bersemuka, dalam talian, secara lisan mahupun dalam tulisan mengikut norma-norma budaya masyarakat sasaran.

Aspek ini membina Kemahiran Sivik, Global dan Silang Budaya dan hal ini bukan sahaja dapat memupuk kesedaran dan rasa peka terhadap kepelbagaian bahasa dan budaya kaum lain, malah penutur juga boleh membuat kaitan dengan budaya masyarakat mereka sendiri. Kemahiran ini mengukuhkan lagi kompak sosial dalam masyarakat majmuk seperti Singapura.

Pendekatan dialogik menyediakan ruang perbincangan yang selamat agar pelajar-pelajar dapat membina pemahaman untuk memahami aspek adat dan tradisi masyarakat sasaran. Sehubungan dengan itu, perbincangan sedemikian juga memberikan peluang kepada pelajar untuk menghayati pandangan sarwa masyarakat tersebut yang terungkap melalui bahasa dan budaya. Khususnya dalam kehidupan masyarakat majmuk di Singapura, kaitan dengan budaya masyarakat sendiri dan kesan terhadap pertembungan budaya mampu dibincangkan dengan menggunakan pembelajaran reflektif.

Justeru, kurikulum Bahasa Melayu (Program Khas) yang bertujuan untuk meniti budaya dan membuka minda pelajar diharap akan dapat membolehkan mereka untuk melihat bahasa sebagai alat penyatu antara masyarakat berlainan kaum. Yang lebih penting lagi, pelajar dapat memahami konteks penggunaan bahasa dalam masyarakat Melayu yang menyentuh aspek norma-norma sosial dan budaya, adat dan tradisi serta pandangan sarwa masyarakat tersebut. Oleh yang demikian, hal ini dapat meningkatkan kepekaan dan rasa hormat dalam berinteraksi sama ada secara bersemuka, dalam talian, secara lisan mahupun dalam tulisan khususnya dalam konteks silang budaya.

2.3 JANGKAAN PEMEROLEHAN BAHASA BERDASARKAN PERINGKAT

Pelajar-pelajar yang baru menyertai Bahasa Melayu (Program Khas) mempunyai kecekapan yang berbeza-beza. Oleh itu, penyesuaian keperluan belajar pelajar dengan hasil pembelajaran yang hendak dicapai harus dilakukan agar pelajaran dapat memberikan cabaran bahasa yang dapat mengekalkan minat murid dalam pelajaran Bahasa Melayu (Program Khas). Hasil pembelajaran memberikan gambaran perkara-perkara yang harus diketahui, fahami dan dapat dilakukan oleh pelajar dalam kemahiran-kemahiran bahasa yang berikut:

- i. Kemahiran Mendengar (termasuklah kemahiran melihat dan menyampaikan respons)
- ii. Kemahiran Bertutur
- iii. Kemahiran Membaca (termasuklah kemahiran melihat dan menyampaikan respons)
- iv. Kemahiran Menulis
- v. Kemahiran Interaksi Lisan (termasuklah kemahiran melihat, mendengar dan membaca)
- vi. Kemahiran Interaksi Penulisan (termasuklah kemahiran melihat, mendengar dan membaca)

Pengalaman dan pembelajaran bahasa pelajar yang melalui fasa-fasa tertentu boleh dijadikan rujukan kepada guru tentang pemerolehan dan pencapaian mereka. Guru juga boleh menggunakan pencapaian ini untuk mengenalkan intervensi pembelajaran dan mengubah suai pedagogi yang dapat membantu mereka mencapai kemahiran-kemahiran bahasa yang tertentu. Kursus sepanjang 4 tahun ini terbahagi kepada dua tahap iaitu: **asas** dan **penggabungan/pelanjutan**.

2.3.1 Tahap Asas (Menengah Bawah)

Pada peringkat menengah bawah, pelajar-pelajar boleh memahami dan menghasilkan teks yang ringkas dan mudah mengenai topik-topik yang berkaitan dengan domain peribadi atau domain yang berkaitan dengan lingkungan kehidupan mereka seperti keluarga, kawan-kawan, sekolah, kegiatan masa senggang dan lain-lain lagi.

Mereka boleh memahami pelbagai teks informasi seperti e-emel, hantaran di media sosial, brosur, makalah dan teks naratif yang mudah. Mereka boleh menggunakan frasa, ayat tunggal dan penanda wacana yang mudah untuk menghasilkan teks yang ringkas. Mereka boleh juga membuat penyampaian, memberikan ucapan atau menyatakan pandangan mengenai topik-topik yang berkaitan dengan domain peribadi, keluarga dan sekolah. Mereka juga boleh bertukar-tukar informasi, baik secara lisan mahupun secara tulisan mengenai topik-topik tersebut.

Pemahaman mengenai budaya masyarakat sasaran disulam melalui pengamatan dan pengetahuan yang divedik dan pelajar boleh membuat kaitan dengan bahasa dan budaya mereka sendiri.

2.3.2 Tahap Penggabungan dan Pelanjutan (Menengah Atas)

Pada peringkat menengah atas, pelajar memperdalam dan memperkukuh pengetahuan sedia ada mereka.

Pelajar boleh memahami isi utama teks-teks yang lebih panjang, memahami pelbagai perspektif serta membuat inferens. Mereka juga boleh memahami frasa dan kosa kata yang biasa digunakan berkaitan topik-topik yang telah pun dipelajari. Mereka boleh bertutur secara spontan mengenai topik-topik tersebut.

Pelajar boleh menghasilkan teks untuk menggambarkan pengalaman dan perasaan mereka. Mereka boleh meneroka topik-topik yang lebih umum seperti alam persekolahan dan kehidupan di kawasan kejiranan dan boleh menghasilkan teks yang lebih panjang secara logik.

Penghayatan mengenai budaya masyarakat sasaran diperdalam melalui penjelasan dan perbincangan serta membuat kaitan dengan bahasa dan budaya mereka untuk menerangkan persamaan dan perbezaan.

Untuk memantau pencapaian pemerolehan bahasa pelajar pada penghujung peringkat Menengah 2 dan Menengah 4, guru boleh menggunakan panduan yang berikut. Untuk merujuk *Common European Framework of Reference for Languages (CEFR): Global Scale*, lihat **LAMPIRAN C**.

JANGKAAN PENCAPAIAN PEMBELAJARAN

Tahap Asas (Menengah Bawah)

Peringkat	RESEPTIF		INTERAKSI		PRODUKTIF	
	Mendengar	Membaca	Lisan	Penulisan	Bertutur	Menulis
Men 1	- Pelajar berupaya untuk mendengar dan memahami perbualan yang ringkas dan mudah berkaitan dengan diri, keluarga dan sekolah. - Pelajar berupaya untuk mendengar dan memahami isi utama teks informatif yang ringkas seperti mesej dan pengumuman.	- Pelajar berupaya untuk membaca dan memahami isi utama teks informatif yang berkaitan dengan diri, keluarga dan sekolah. - Pelajar berupaya untuk membaca dan memahami isi utama teks naratif yang ringkas.	- Pelajar berupaya untuk bersoal jawab mengenai keperluan seharian. - Pelajar berupaya untuk berinteraksi secara ringkas dalam situasi sosial. - Pelajar berupaya untuk bertukar-tukar informasi mengenai rutin dan kegiatan harian secara lisan.	Pelajar berupaya untuk memberikan respons dalam bentuk nota atau mesej berkaitan hal-hal seharian.	Pelajar berupaya untuk membuat penyampaian atau memberikan ucapan ringkas mengenai diri, keluarga dan sekolah.	Pelajar berupaya untuk menghasilkan teks ringkas mengenai diri, keluarga dan sekolah.
Men 2	Pelajar berupaya untuk mendengar dan memahami isi utama teks lisan mengenai topik-topik lazim.	- Pelajar berupaya untuk membaca dan memahami isi utama teks yang berkaitan dengan topik-topik lazim sama ada teks informatif atau pun teks naratif. - Pelajar berupaya untuk membuat inferens yang mudah daripada teks yang dibaca.	- Pelajar berupaya untuk berinteraksi secara ringkas dalam situasi formal atau situasi sosial. - Pelajar berupaya untuk bertukar-tukar informasi ringkas mengenai perkara-perkara lazim.	Pelajar berupaya untuk memberikan respons dalam bentuk e-mel, nota, hantaran atau mesej mengenai perkara-perkara lazim.	- Pelajar berupaya untuk membuat penyampaian atau memberikan ucapan ringkas mengenai topik-topik lazim. - Pelajar berupaya untuk menceritakan semula secara ringkas sesuatu kejadian atau peristiwa.	- Pelajar berupaya untuk menghasilkan teks ringkas bagi menggambarkan pengalaman, kejadian atau harapan. - Pelajar berupaya untuk menerangkan pandangan secara ringkas mengenai topik-topik lazim.
Elemen sosiobudaya	Pelajar berupaya mempamerkan pengetahuan tentang budaya masyarakat sasaran melalui pemerhatian dan penemuan.					
Kemahiran Komunikasi, Kolaborasi dan Informasi (21CC)	Pelajar berupaya memberikan respons dan menilai pengetahuan untuk membina pemahaman dan idea yang baharu dengan mengambil kira tujuan komunikasi, konteks dan khalayak.					

Literasi Sivik, Global dan Silang Budaya (21CC)	Pelajar berupaya menghargai nilai warisan yang pelbagai dan sumbangan mereka kepada negara dan peringkat serantau.
--	--

NOTA: Bagi pertuturan dan perbualan peringkat menengah bawah, pelajar harus berupaya untuk menggunakan struktur ayat yang mudah dan kosa yang asas dengan sebutan yang jelas. Bagi penulisan pula, pelajar harus berupaya untuk menggunakan organisasi dan kosa kata yang asas serta struktur ayat yang mudah dan gramatis.

Tahap Penggabungan dan Pelanjutan (Menengah Atas)

Peringkat	RESEPTIF		INTERAKSI		PRODUKTIF	
	Mendengar	Membaca	Lisan	Penulisan	Bertutur	Menulis
Men 3 & 4	Pelajar berupaya untuk mendengar dan memahami isi utama teks lisan daripada bahan sumber audio seperti radio, podcast dan aplikasi atau bahan pandang dengar seperti televisyen, media sosial dan video yang berkaitan peribadi dan sekeliling.	- Pelajar berupaya untuk membaca dan memahami isi utama teks informatif dan teks naratif yang berkaitan peribadi dan sekeliling. - Pelajar berupaya untuk membaca dan memahami teks untuk memahami sudut pandangan penulis.	- Pelajar berupaya untuk menangani situasi yang dihadapi semasa berada di tempat/kawasan/ negara yang menggunakan bahasa sasaran. - Pelajar berupaya untuk berinteraksi secara spontan mengenai topik-topik lazim.	- Pelajar berupaya untuk memberikan respons sama ada dalam bentuk bertulis atau dalam talian tentang topik yang berkaitan peribadi dan sekeliling. - Pelajar berupaya menggunakan kosa kata yang lazim digunakan dan struktur ayat yang gramatis dalam penulisan	- Pelajar berupaya untuk bertutur tentang sesuatu perkara yang berkaitan dengan peribadi dan sekeliling. - Pelajar berupaya untuk menjelaskan pandangan tentang sesuatu perkara yang berkaitan peribadi dan sekeliling.	- Pelajar berupaya untuk menghasilkan e-mel, atau memuat naik hantaran bagi menggambarkan pengalaman dan perasaan berkaitan peribadi dan sekeliling. - Pelajar berupaya untuk menulis teks bagi menjelaskan pandangan tentang topik yang berkaitan peribadi dan sekeliling.

Peringkat	RESEPTIF		INTERAKSI		PRODUKTIF	
	Mendengar	Membaca	Lisan	Penulisan	Bertutur	Menulis
Men 3 & Men 4			Pelajar berupaya menggunakan struktur ayat yang mudah, kosa kata yang asas, sebutan yang jelas dengan intonasi yang sesuai.		- Pelajar berupaya untuk menceritakan semula, menggambarkan perasaan tentang sesebuah cerita (sama ada cerita yang dibaca atau ditonton) atau membuat kaitan cerita tersebut dengan diri mereka. - Pelajar berupaya mempamerkan pertuturan yang bertautan menggunakan kosa kata yang lazim digunakan dan ayat yang mudah, sebutan yang jelas serta intonasi yang semula jadi dan sesuai.	Pelajar berupaya mempamerkan penulisan yang menggunakan struktur organisasi, kosa kata yang lazim digunakan dan ayat yang gramatis dalam penulisan.
Elemen sosiobudaya	Pelajar berupaya mempamerkan kesedaran budaya masyarakat sasaran melalui pemerhatian, penemuan dan membuat kaitan (persamaan atau perbezaan) dengan bahasa dan budaya sendiri.					
Kemahiran Komunikasi, Kolaborasi dan Informasi (21CC)	Pelajar berupaya memberikan respons dengan sikap empati dan menunjukkan rasa hormat. Pelajar peka akan latar belakang yang pelbagai yang mempengaruhi perspektif yang pelbagai semasa berinteraksi dengan orang lain.					
Literasi Sivik, Global dan Silang Budaya (21CC)	Pelajar berupaya mempamerkan sikap empati, sedar tentang tanggapan berat sebelah yang mungkin mereka miliki terhadap pengalaman, sosiobudaya dan agama masyarakat sasaran baik di Singapura mahupun di peringkat serantau.					

2.4 TATABAHASA

Pelajar akan berupaya mempamerkan penggunaan bahasa yang baik sekiranya mereka menggunakan tatabahasa yang baku. Oleh itu, pengajaran sistem bahasa yang betul harus dilakukan secara eksplisit. Pengajaran tatabahasa juga haruslah digabungkan dengan pengajaran kemahiran bahasa dan tidak berfokus pada rumus-rumus tatabahasa. Yang ingin ditekankan ialah keupayaan pelajar untuk menggunakan bahasa dengan gramatis dalam konteks yang sesuai.

Yang berikut ialah aspek tatabahasa yang harus diperoleh pelajar Bahasa Melayu (Program Khas).

Aspek Tatabahasa		Item
Proses Pembentukan kata	Pengimbuhan	Awalan: meN- beR- di- ke- peN- pe- se- ter-
		Akhiran: -an -kan -i
		Apitan: meN-...-kan di-...-kan beR-...-an ke-...-an peN-...-an pe-...-an
	Penggandaan	Penggandaan Penuh Penggandaan Separa
	Pemajmukan	Rangkai Kata Bebas Kiasan/Simpulan Bahasa
Golongan Kata	Kata Nama	Kata Nama Khas Kata Nama Am Kata Ganti Nama
	Kata Kerja	Kata Kerja Tak Transitif Kata Kerja Transitif
	Kata Adjektif	Kata Adjektif
	Kata Tugas	Kata Hubung Kata Sendi nama Kata Arah Kata Bantu Kata Penguat
Frasa	Frasa Nama Frasa Kerja Frasa Adjektif Frasa Sendi Nama	

Ayat	Bentuk	Ayat Tunggal Ayat Majmuk Gabungan Ayat Majmuk Keterangan
	Ragam	Ayat Aktif Ayat Pasif – Imbuhan Ayat Pasif Kata Ganti Diri Orang Pertama dan Kedua
	Jenis	Ayat Penyata Ayat Tanya Ayat Seru Ayat Perintah
Aspek Bahasa yang Lain	Penjodoh Bilangan	Penjodoh Bilangan
	Semantik	Kata Seerti Kata Berlawan Kata Kumpulan
	Bandingan Semacam	Bandingan Semacam

Bahagian 3 - Pedagogi

3.1 Pertimbangan Pengajaran dan Pembelajaran

3.2 Pengajaran Tatabahasa

3.3 Pengajaran Kosa Kata

3.4 Amalan Pengajaran Singapura (STP)

3.5 Penggunaan Teknologi dalam Pendidikan

3.6 Perancangan Bahasa Melayu (Program Khas)

3.1 PERTIMBANGAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN

Model Kurikulum Bahasa Melayu (Program Khas) 2025 memberikan tumpuan kepada pembangunan pelajar yang cekap berbahasa dan seronok melalui pembelajaran bahasa Melayu. Oleh yang demikian, guru perlu memberikan pertimbangan terhadap perkara-perkara yang berikut apabila merancang pengajaran dan pembelajaran:

3.1.1 Pengukuhan Kecekapan Bahasa Pelajar

Pedagogi yang digunakan harus tertumpu pada pengukuhan kecekapan bahasa pelajar. Contohnya, untuk meningkatkan keyakinan pelajar bertutur, aktiviti-aktiviti yang dirancang haruslah memberikan peluang kepada mereka untuk mempamerkan keupayaan bertutur dengan guru, rakan atau orang di sekeliling mereka. Hal ini boleh dicapai melalui **pembelajaran kontekstual** yang mengaitkan isi pelajaran dengan latar dan pengalaman harian pelajar dan alam sekelilingnya. Kemahiran dan pengetahuan bahasa dipelajari dalam konteks penggunaan bahasa sesuai dengan tujuan, khalayak, situasi dan budaya.

3.1.2 Keseronokan Pembelajaran

Untuk memupuk minat pelajar belajar tentang bahasa, nilai dan budaya masyarakat Melayu, pedagogi yang digunakan haruslah dapat menerbitkan rasa seronok belajar. Keseronokan belajar meningkatkan keterlibatan pelajar dalam pembelajaran. Keseronokan pembelajaran boleh diwujudkan melalui pembelajaran yang berikut:

- i. **Pembelajaran Aktif:** Sama ada tugas persendirian atau yang melibatkan kumpulan, tugas yang bermakna dapat menggalakkan penyertaan dan pelibatan aktif pelajar. Kemahiran bahasa, pengetahuan bahasa, jenis teks dan komponen bahasa yang disediakan haruslah berdasarkan kesediaan dan minat pelajar. Sebagai contoh, tugas yang disediakan boleh bermula dengan hal-hal yang berkait rapat dengan lingkungan kehidupan pelajar untuk mewujudkan pengalaman pembelajaran yang konkrit sebelum bergerak ke hal-hal yang lebih abstrak mengikut peringkat dengan kepayaan yang sesuai.
- ii. **Pembelajaran Kolaboratif:** Melalui perbincangan, aktiviti berpasangan atau berkumpulan, tugas berasaskan masalah, main peranan, kajian kes, pembelajaran koperatif dan simulasi boleh menggalakkan pemahaman yang lebih mendalam dan membina pengetahuan bersama. Pelajar perlu diberikan peluang untuk belajar bersama orang lain, secara berpasangan atau berkumpulan agar mereka dapat berkomunikasi dan melibatkan diri secara langsung dalam pembelajaran. Pembelajaran kolaboratif dapat memperkukuh keyakinan diri dan mempererat hubungan sosial para pelajar yang terdiri daripada pelbagai latar belakang, budaya dan agama.
- iii. **Pembelajaran secara Autentik:** Pengalaman pembelajaran yang melibatkan konteks dunia nyata atau situasi sebenar dapat mewujudkan pembelajaran yang relevan dan bermakna. Melalui aktiviti seperti kembara ilmu, berinteraksi dengan masyarakat dalam situasi harian, pengalaman menyaksikan persembahan teater atau persembahan budaya boleh menyediakan ruang untuk pelajar menggunakan bahasa khususnya dalam pertuturan.

3.1.3 Berpusatkan Pelajar

Pembelajaran berpusatkan pelajar yang melibatkan pelajar secara aktif merupakan asas bagi pengalaman pembelajaran pelajar. Keterlibatan pelajar dapat dilakukan dari aspek:

- i. **Afektif:** Pelajar menunjukkan motivasi secara intrinsik, rasa kekitaan, kemandirian serta memberikan sepenuh tumpuan terhadap tugas pembelajaran.
- ii. **Perilaku:** Pelajar menuruti peraturan bilik darjah, berkelakuan positif dan menyertai aktiviti bilik darjah dengan aktif.

- iii. Kognitif: Pelajar memberikan tumpuan yang berterusan terhadap aktiviti pembelajaran yang menuntut kemahiran yang tinggi untuk mendalami konsep pembelajaran yang kompleks.

3.1.4 Pengajaran Pembezaan

Pengajaran pembezaan merupakan pendekatan pengajaran yang dapat menjangkau pelbagai kebolehan, minat dan keperluan pelajar dalam bilik darjah. Oleh yang demikian, pelajar boleh dibantu untuk mendapat manfaat dan memaksimumkan potensinya.

Secara umum, pengajaran pembezaan bermakna membezakan kandungan (konsep, prinsip dan kemahiran), proses (strategi dan aktiviti) dan produk (hasil dan cara penilaian) dalam pengajaran bagi kumpulan pelajar yang mempunyai keupayaan yang berbeza-beza. Cara ini membantu guru merancang pengajaran dengan sistematik untuk memaksimumkan peluang pembelajaran bagi setiap pelajar yang mempunyai keperluan pembelajaran yang pelbagai.

3.1.5 Pendedahan kepada Nilai Budaya Masyarakat Melayu

Pengajaran yang menggunakan elemen budaya seperti seni persembahan, busana, artifak dan teks sastra perlulah disampaikan dengan menggunakan pedagogi yang menarik. Selain itu, nilai yang rapat dengan kehidupan masyarakat Melayu harus diserlahkan agar pelajar dapat memahami amalan dan pemikiran masyarakat Melayu. Peluang untuk membentuk pelajar yang peka semasa berinteraksi dengan orang Melayu, menghormati dan menghargai kepelbagaian budaya dan latar belakang harus dimanfaatkan sepenuhnya. Oleh yang demikian, pengalaman pembelajaran yang bermakna dapat membina kecerdasan budaya pelajar agar peka budaya dan bersikap lebih inklusif khususnya dalam masyarakat majmuk seperti Singapura.

3.1.6 Penggabungjalinan/Aspek Kesepaduan

Penggabungjalinan kemahiran, aspek bahasa, daya berfikir, bahan pengajaran, multimodaliti dan strategi pengajaran dan pembelajaran menjadikan aspek-aspek pembelajaran saling melengkapi dan bersepadu. Penggabungjalinan memberikan peluang kepada pelajar untuk menguasai beberapa kemahiran dan pengetahuan bahasa secara serentak dan membolehkan pengajaran dan pembelajaran dijalankan secara organik.

3.1.7 Pembelajaran Teradun

Pembelajaran teradun tidak tertumpu pada penggunaan komputer atau alat-alat elektronik. Pembelajaran teradun menggabungkan strategi pengajaran bersemuka dengan strategi lain, seperti penggunaan Internet, pembelajaran berbalik, pembelajaran sendiri, kajian dan sebagainya. Pembelajaran teradun memberikan peluang kepada pelajar untuk mengalami kandungan dan strategi pembelajaran yang pelbagai.

3.1.8 Penyepaduan Teknologi Maklumat

Penyepaduan pengajaran dan pembelajaran dengan menggunakan alat-alat teknologi maklumat (ICT) dapat meningkatkan lagi keseronokan dan keterlibatan pelajar. Sejumlah 20-30% waktu kurikulum harus dipertimbangkan untuk menggunakan ICT dalam proses pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu.

3.1.9 Pengajaran Eksplisit

Pengajaran eksplisit mendedahkan pelajar pada suatu persekitaran pembelajaran yang berstruktur dan berfokus pada pencapaian objektif pelajaran yang tertentu. Elemen pengajaran eksplisit adalah seperti yang berikut:

- pengajaran dimulakan dengan menyatakan objektif pelajaran,
- penyelidikan tentang pengetahuan atau kemahiran sedia ada pelajar sebelum memulakan pelajaran dan semasa membuat perancangan pengajaran,
- arahan secara jelas dan berstruktur agar pelajar dapat memahami maksud arahan,
- sokongan, panduan dan standard pencapaian yang jelas dan boleh dicapai ketika memberikan tugas,

- pelibatan pelajar secara aktif agar mereka dapat memantau pembelajaran mereka sendiri; dan
- pemantauan pencapaian secara kerap dengan memberikan maklum balas secara segera, berfokus, tepat dan berterusan untuk pembaikan dan peningkatan.

3.1.10 Memanfaatkan Ruang Putih

Dalam merancang program Bahasa Melayu (Program Khas), lebih kurang 15% daripada waktu kurikulum diketepikan untuk kegiatan-kegiatan berasaskan sekolah. Kegiatan-kegiatan ini dilakarkan berdasarkan kekuatan dan minat pelajar daripada pelbagai latar dan peringkat. Oleh itu, guru boleh mengisi waktu tersebut dengan merancang kegiatan yang boleh mengukuhkan, mengayakan dan meningkatkan penghayatan bahasa Melayu para pelajar.

3.2 PENGAJARAN TATABAHASA

Pengajaran tatabahasa mempersiapkan pelajar dengan pengetahuan asas dalam pembedaan kata dan ayat serta cara menggunakan tatabahasa mengikut sistem yang betul semasa bertutur dan menulis. Secara umum, strategi pengajaran tatabahasa yang disarankan ialah penggabungjalinan dan penyerapan. Penggabungjalinan yang dimaksudkan merujuk kepada penggabungjalinan antara pengetahuan bahasa dengan kemahiran bahasa. Secara ringkas pengajaran tatabahasa tidak boleh dipisahkan sama sekali daripada kemahiran bahasa. Apabila tatabahasa diajarkan secara gabung jalin dengan kemahiran, maka dapatlah dielakkan pengajaran yang tertumpu semata-mata pada rumus-rumus tatabahasa sehingga menimbulkan kebosanan. Penyerapan pula menyepadukan aspek pengetahuan dan kemahiran bahasa dengan kandungan bahasa. Secara ringkas, penyerapan memberikan perhatian pada pembelajaran dan penguasaan tatabahasa dan pengetahuan bahasa yang lain, penguasaan enam kemahiran bahasa serta pendedahan dengan aspek kandungan bahasa.

3.2.1 Pendekatan Pengajaran Tatabahasa

Ada tiga pendekatan mengajar tatabahasa.

Pendekatan Induktif

- Guru memperkenalkan banyak contoh sebelum peraturan tatabahasa diterangkan.

Pendekatan Deduktif

- Guru mengajarkan tatabahasa secara formal iaitu menerangkan hukum dan peraturan sebelum memberikan contoh dan pelajar menghafaz hukum-hukum nahu.

Pendekatan Eklektik

- Guru menggabungkan pendekatan induktif dan deduktif. Pengajaran tatabahasa yang berkesan akan terhasil dengan mengaitkan penerangan dengan situasi atau konteks yang bermakna.
- Guru memberikan banyak contoh dan latihan yang sesuai.
- Guru menggunakan banyak pengulangan dan simulasi.
- Guru menggunakan teks atau karya sastera

Pendekatan Komunikatif

- Guru menerangkan cara tatabahasa itu menyampaikan makna dalam komunikasi sebenar. Hal ini termasuklah makna fungsional dan juga makna sosial.
- Guru memperkenalkan struktur tatabahasa dan melatih pelajar menggunakan tatabahasa yang diajarkan dalam konteks dan situasi yang realistik baik dalam situasi formal mahupun dalam situasi tidak formal.
- Guru mengaitkan penggunaan tatabahasa dengan fungsi bahasa, seperti membuat permintaan, menyatakan pendapat, atau memberi arahan

- Guru menggabungkan pengajaran tatabahasa dengan kemahiran bahasa lain seperti bertutur, mendengar, membaca, dan menulis.
- Guru menggunakan bahan autentik seperti teks dan perbualan dunia sebenar untuk menggambarkan struktur tatabahasa.
- Guru menggunakan kerja berpasangan, perbincangan kumpulan, dan main peranan untuk melatih tatabahasa dalam konteks komunikatif.

3.3 PENGAJARAN KOSA KATA


Kosa kata ialah aspek bahasa yang penting. Pelajar perlu diajar makna perkataan dalam bahasa Melayu dan peranan perkataan dalam ayat supaya hasrat berkomunikasi dapat disampaikan dengan jelas dan berkesan. Yang berikut ialah beberapa cara mengajarkan kosa kata melalui:

- Pemilihan kosa kata: Memberi tumpuan kepada perkataan yang kerap digunakan dan perkataan yang relevan dengan keperluan pelajar.
- Pembelajaran kontekstual: Memperkenalkan perkataan dalam konteks dan bukan secara terasing. Hal ini memerlukan penerangan tentang perbezaan yang mungkin berlaku dalam pemaknaan dalam kamus dengan penggunaan dalam situasi tertentu.
- Pendedahan berulang: Menyediakan teks atau ayat-ayat berulang dengan perkataan baharu dalam pelbagai konteks.
- Penggunaan teknik mnemonik: Menggunakan perkaitan perkataan, alat bantuan visual, dan teknik mengingat.
- Mengajar bahagian perkataan (awalan, akhiran, akar kata) untuk membantu ingatan.
- Meneroka hubungan antara perkataan (sinonim, antonim, hiponim)
- Memperdalam pemahaman: Menggalakkan pemahaman mendalam tentang perkataan (konotasi, kolokasi, dan laras)

3.4 AMALAN PENGAJARAN SINGAPURA (STP)

STP dibina untuk membimbing dan mengukuhkan pengajaran dan pembelajaran yang berkesan. Model ini dibina untuk membantu guru menjadi lebih yakin dan reflektif dalam amalan pengajaran, agar dapat membentuk dan menjalankan pembelajaran dengan lebih baik dan meningkatkan rasa seronok dalam pembelajaran untuk setiap pelajar.

STP terdiri daripada tiga komponen yang berkait untuk menjadikan pengajaran dan pembelajaran lebih berkesan; Asas-asas Pengetahuan, Amalan-amalan Pedagogi dan Falsafah Kurikulum Singapura seperti yang digambarkan dalam Rajah 6:



Rajah 6: Model STP (Sumber: Kementerian Pendidikan, 2017)

3.4.1 Asas-asas Pengetahuan

Memahami Kandungan Subjek dan Matlamat

Guru perlu memiliki pengetahuan tentang bahasa Melayu yang diajarkan termasuk aspek konsep, fakta, teori dan kemahiran. Guru perlu mengaitkan perkara-perkara tersebut bagi membentuk disiplin subjek. Selain itu, pemahaman tentang perkara yang perlu diajarkan dan cara mengajarkan perkara tersebut juga penting agar pelajar menjadi lebih yakin dalam pembelajaran.

Memahami Pelajar dan Pembelajaran

Guru perlu mempunyai pemahaman tentang latar pelajar, motivasi pelajar, proses psikologi sewaktu pembelajaran berlangsung dalam konteks budaya sekolah dan bilik darjah, tahap perkembangan pelajar serta perbezaan pelajar secara individu.

Memahami Pengajaran

Guru perlu memahami faktor-faktor yang boleh mempengaruhi tahap pencapaian pemilihan mereka sewaktu membina pengalaman pembelajaran, termasuklah persekitaran fizikal dan psikososial, hubungan guru dengan pelajar, keperluan pelajar dan profil pelajar yang pelbagai.

3.4.2 Amalan-amalan Pedagogi

Amalan-amalan Pedagogi dalam STP mencakupi Proses dan Aspek Pengajaran; 4 Proses Pengajaran sebelum, sewaktu dan selepas berinteraksi dengan mpelajar dan 24 Aspek Pengajaran. Berdasarkan keperluan pelajar, guru menggunakan dan menyesuaikan Aktiviti Mengajar dan pertimbangan-pertimbangan profesional daripada mana-mana aspek pengajaran untuk mereka bentuk pengajaran dan pembelajaran yang berkesan. Aktiviti Mengajar merupakan pelaksanaan teknik-teknik pengajaran yang sesuai untuk menjayakan pengajaran dan pembelajaran.

Amalan-amalan Pedagogi, 4 Proses Pengajaran dan 24 Aspek Pengajaran yang dinyatakan dapat digambarkan dalam Rajah 6. Manakala 24 Aspek Pengajaran disenaraikan dalam Rajah 6.



Rajah 7: Amalan-amalan Pedagogi (Sumber: Kementerian Pendidikan, 2017)

Penilaian dan Maklum Balas • Memantau pemahaman dan memberi maklum balas • Menyokong pembelajaran secara sendiri • Menyediakan tugas yang bermakna	Budaya Positif di Bilik Darjah • Mewujudkan interaksi dan hubungan rapat • Mengekalkan disiplin yang positif • Menetapkan jangkaan dan rutin • Membina kepercayaan • Memperkasakan murid
Pelaksanaan Pelajaran • Mengaktifkan pengetahuan sedia ada • Merangsang minat • Menggalakkan pelibatan murid • Menggunakan fleksibiliti • Memberikan penerangan yang jelas • Menyusun langkah dan mengekalkan momentum • Memudah cara pembelajaran kolaboratif • Menggunakan soalan untuk memperdalam pembelajaran • Menutup pelajaran	Penyediaan Pelajaran • Menentukan objektif pelajaran • Mengambil kira profil murid • Memilih dan menyusun urutan kandungan • Merancang soalan-soalan utama • Menyusun pembelajaran • Memilih strategi pengajaran • Menetapkan alat bantu dan bahan pembelajaran

Rajah 8: 24 Aspek Pengajaran (Sumber: Kementerian Pendidikan, 2017)

Guru boleh menggunakan maklumat tentang aspek pengajaran dan aktiviti mengajar untuk mereka bentuk dan melaksanakan pengalaman pembelajaran dalam budaya bilik darjah yang positif agar setiap pelajar terlibat secara aktif dan pengalaman pembelajaran murid dipertingkatkan.

Rujuk **LAMPIRAN D-1 dan D-2** untuk perincian 24 Aspek Pengajaran dan strategi-strategi pengajaran yang boleh digunakan apabila merancang pengajaran Bahasa Melayu.

3.5 PENGGUNAAN TEKNOLOGI DALAM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN

Peralihan ke arah Bahan Pembelajaran Digital Interaktif didasari oleh kesedaran akan keberkesanan penerapan teknologi dalam menyokong pembelajaran pelajar. Penyepaduan teknologi yang lebih menyerlah untuk meningkatkan interaktiviti dan penyesuaian penggunaan teknologi yang berkesan dapat memperdalam pembelajaran dan membantu pelajar memperoleh kecekapan abad ke-21 iaitu Kemahiran Komunikasi, Kolaborasi dan Informasi. Bahan Pembelajaran Digital Interaktif menerapkan penggunaan pelbagai objek media seperti rangsangan video, permainan bahasa digital dan pakej pelajaran interaktif bagi mewujudkan persekitaran pembelajaran Bahasa Melayu (Program Khas) yang lebih autentik dan bermakna selain menimbulkan keseronokan dan memupuk para pelajar yang terarah sendiri.

Khususnya bagi pelajar-pelajar bahasa ketiga, mereka memerlukan masukan yang terdiri daripada pelbagai bentuk untuk menyokong pembelajaran. Pelajar-pelajar ini lazimnya memerlukan ruang hasrat yang selamat dan membolehkan mereka membina keyakinan untuk bertutur dan menulis. Pembelajaran bahasa melalui penggunaan teknologi membantu pelajar khususnya dalam pemerolehan kosa kata dan tatabahasa.

Secara umumnya, penggunaan teknologi dalam pendidikan menjadikan pelajar lebih:

- Terarah sendiri – Dengan penggunaan pedagogi, alat dan struktur seperti Ruang Pembelajaran Pelajar Singapura (SLS) pelajar akan lebih bermotivasi untuk belajar secara sendiri.
- Tersesuai – Pengalaman pembelajaran pelajar disesuaikan dengan kecepatan dan arah setiap pelajar. Hal ini membuat pelajar rasa selesa dan selamat untuk belajar.
- Terhubung – Pembelajaran pelajar bukan sahaja terhubung dengan rakan sekelas dan guru di dalam darjah, bahkan masyarakat dan dunia.

3.5.1 Pengalaman Pelajar Menggunakan Teknologi

Melalui teknologi, pelajar menggunakan bahan bahasa Melayu yang menghubungkan mereka dengan rakan, guru dan masyarakat:

Pelajar dan Bahan

Bahan berbentuk digital Bahasa Melayu (Program Khas) yang dibina dan dimuat naik ke SLS membolehkan mereka melalui pengalaman pembelajaran secara progresif. Mereka juga berupaya melakukannya pada bila-bila masa.

Pelajar dan Rakan Sebaya

Pelajar terhubung dengan rakan sebaya secara bersemuka dan juga dalam talian yang membolehkan mereka melibatkan diri dalam pembelajaran Bahasa Melayu (Program Khas) secara kolaboratif mengenai sesuatu yang diminati oleh mereka.

Pelajar dan Guru

Guru menggunakan pengetahuan dan kemahiran e-pedagogi mereka untuk merancang pengajaran yang dapat memenuhi keperluan pembelajaran bahasa Melayu pelajar.

Pelajar dan Masyarakat

Pelajar memperluas ruang pembelajaran mereka dengan masyarakat dan dunia untuk memperkaya pembelajaran mereka.

3.5.2 Pembelajaran Teradun

Guru boleh menggabungkan pembelajaran bersemuka dan secara dalam talian, contohnya dengan menggunakan platform SLS guru memberikan aktiviti yang memerlukan pelajar menyelesaikan aktiviti bahasa Melayu di rumah sebelum melanjutkannya di dalam kelas dalam pelajaran berikutnya. Melalui pembelajaran

teradun, pelajar lebih terarah sendiri dan bermotivasi untuk belajar. Meskipun begitu, pembelajaran teradun tidak semestinya menggunakan teknologi. Guru boleh menggabungkan bahan-bahan yang berbeza-beza. Oleh itu, elemen pembelajaran teradun boleh melibatkan perkara-perkara yang berikut:

- Berstruktur / tidak berstruktur
- Tidak segerak / segerak
- Dalam lingkungan kurikulum / di luar lingkungan kurikulum
- Jarak jauh / semuka
- Menggunakan ICT / tidak menggunakan ICT

Oleh yang demikian, guru harus memperkasakan keupayaan pelajar menggunakan bahan-bahan digital di SLS dengan menyediakan pembelajaran Bahasa Melayu (Program Khas) yang akrab dengan alat-alat digital.

3.6 PERANCANGAN BAHASA MELAYU (PROGRAM KHAS)

Semua guru yang mengajar Bahasa Melayu (Program Khas) haruslah bekerjasama dalam merancang program pendidikan Bahasa Melayu (Program Khas) agar aspek-aspek pengajaran seperti objektif, kandungan pelajaran, strategi, aktiviti dan penilaian dapat ditentukan bersama-sama. Ketika merancang, aspek-aspek yang berikut perlu diambil kira:

A. Sukatan Pelajaran

Sukatan pelajaran perlu digunakan apabila menentukan hasil pembelajaran yang perlu dicapai oleh pelajar termasuklah untuk merancang pemeringkatan objektif dan penilaian berterusan setiap peringkat.

B. Penentuan Objektif

Objektif pelajaran penting dan perlu ditentukan selaras dengan kemahiran bahasa dan pengetahuan bahasa yang hendak dicapai dalam pelajaran. Contohnya, objektif pelajaran termasuklah mendengar dengan teliti, bertutur dengan lancar dan yakin, membaca dan memahami serta memberikan respons dengan jelas dan sesuai secara lisan atau bertulis.

C. Aktiviti Mengajar

Pemilihan aktiviti mengajar yang sesuai untuk mencapai objektif pengajaran boleh meningkatkan keterlibatan pelajar untuk mencapai objektif yang diharapkan dan menggalakkan pemahaman pelajar yang mendalam tentang bahasa Melayu untuk:

- memperoleh pengetahuan atau kemahiran baharu;
- menggabungkan pengetahuan atau kemahiran sedia ada murid untuk membentuk pemahaman yang baharu;
- menggunakan dan mengaplikasikan pengetahuan atau kemahiran untuk mendemonstrasikan pemahaman murid; dan
- menggunakan strategi dan pendekatan pengajaran yang sesuai.

Sewaktu memilih aktiviti mengajar yang sesuai, guru perlu membuat pertimbangan yang berikut:

- Adakah aktiviti ini sesuai untuk mencapai objektif pengajaran?
- Adakah aktiviti ini sesuai dengan profil, keperluan, tahap kesediaan, minat dan pengetahuan sedia ada pelajar?
- Bagaimanakah aktiviti ini menjadikan pembelajaran pelajar lebih seronok dan berkesan?

Untuk menjalankan aktiviti mengajar yang berkesan, guru digalakkan untuk memastikan perkara-perkara yang berikut:

- Guru memberikan arahan dan penerangan yang jelas tentang tugas yang perlu dilaksanakan pelajar.
- Guru mendemonstrasikan proses menjalani aktiviti tersebut agar pelajar memahami proses berfikir dan cara menjalani aktiviti tersebut.
- Guru menyemak kelakonan pelajar sepanjang aktiviti tersebut dijalankan dan melakukan intervensi yang sesuai.
- Guru memberikan standard pencapaian yang jelas yang boleh dicapai oleh pelajar agar pelajar dapat memantau pembelajarannya sendiri.
- Guru memberikan maklum balas yang segera, berfokus, tepat dan berterusan untuk menggalakkan pembelajaran yang berterusan.

D. Aspek Penilaian

Dalam menyediakan perancangan, guru perlu menyertakan semua aspek yang berkaitan dengan penilaian yang digunakan. Penilaian yang dijalankan sama ada secara formal atau tidak formal haruslah yang dapat memberikan gambaran yang jelas tentang kemajuan pelajar dan keberkesanan pengajaran yang dijalankan. Hal ini penting kerana informasi yang dikumpulkan dapat membantu guru mempertingkatkan mutu pengajaran di samping membantu pelajar mengenal pasti tindakan susulan yang perlu diambil untuk memperbaiki kelakonan mereka.

E. Masa Pengajaran

Masa pengajaran bagi sesuatu pelajaran perlu ditetapkan agar guru dapat memaksimumkan pembelajaran dalam jangka waktu yang ditentukan. Sehubungan dengan hal tersebut, perancangan pengajaran atau skema pengajaran bagi satu semester atau setahun dapat disediakan dengan sebaik-baiknya. Kelas Bahasa Melayu (Program Khas) bagi setiap peringkat disarankan dengan masa kurikulum selama 3 jam setiap minggu (tidak termasuk waktu rehat). Hal ini membolehkan guru memberikan pendedahan maksimum kepada pelajar.

Jumlah masa kurikulum sepanjang 4 tahun ialah 372 jam sesuai dengan saranan CEFR agar pelajar dapat mencapai tahap B1 yang diinginkan. Lihat jadual yang berikut:

Peringkat	Jangkaan Pemerolehan CEFR	Waktu Kurikulum MOE	CEFR
Tahun 1	A1	~ 96 jam	90-100 jam
Tahun 2	A2	~ 192 jam	180 – 200 jam
Tahun 3	B1 (rendah)	~ 288 jam	250 – 400 jam
Tahun 4	B1 (tinggi)	~ 372 jam	

3.6.1 **Sokongan, Pengukuhan dan Pengayaan**

Ketika merancang Bahasa Melayu (Program Khas) di sekolah, keperluan pembelajaran pelajar yang berbeza-beza perlu diambil kira. Dengan itu, Bahasa Melayu (Program Khas) yang disediakan harus merangkumi perancangan pengajaran yang berikut:

1. Sokongan

Aktiviti sokongan merupakan langkah khusus untuk membantu pelajar yang menghadapi masalah pembelajaran Bahasa Melayu (Program Khas) di sekolah. Guru harus merancang dan menjalankan aktiviti alternatif termasuklah latihan-latihan tertentu untuk membantu pelajar menguasai sesuatu kemahiran atau memahami sesuatu konsep dengan lebih jelas. Guru juga harus menilai kejayaan program sokongan itu untuk mengetahui kemajuan pelajar dan mengambil tindakan susulan.

2. Pengukuhan

Aktiviti pengukuhan dapat memantapkan lagi pemahaman dan penguasaan bahasa pelajar. Pengajaran pengukuhan dapat dilakukan dalam pelbagai cara, sesuai dengan kemahiran yang ingin dikukuhkan dan objektif pengajaran serta pembelajaran. Antara teknik yang boleh digunakan ialah kerja projek dan permainan-permainan bahasa yang menyeronokkan.

3. Pengayaan

Aktiviti pengayaan bahasa boleh meluaskan pengetahuan dan pengalaman pelajar. Aktiviti ini haruslah lebih mencabar sesuai dengan keperluan dan keupayaan pelajar. Guru boleh menjalankan aktiviti pengayaan secara tidak formal atau secara berstruktur. Ini bergantung pada sumber dan prasarana yang terdapat di sekelilingnya. Perkembangan teknologi dan aplikasi teknologi maklumat dan komunikasi memberikan lebih banyak alternatif bagi guru melaksanakan aktiviti pengayaan bahasa.

Aktiviti pengayaan boleh dianjurkan untuk menarik minat pelajar dan melalui aktiviti itu, berbagai-bagai kerja susulan dapat dijalankan bagi meningkatkan kemahiran berbahasa pelajar. Antara aktiviti pengayaan yang boleh dijalankan ialah seperti berikut:

A. Program Bacaan Luas

Program bacaan luas menjadi salah satu aktiviti pengayaan yang dapat memupuk minat membaca dalam kalangan pelajar. Guru boleh merancang dan melaksanakan program bacaan luas yang berstruktur yang membolehkan pelajar meluaskan kosa kata dan meningkatkan kemahiran bertutur dan menulis. Selain itu, pelajar boleh dirangsang untuk membaca bagi menambah ilmu dan mengembangkan kosa kata.

B. Pembelajaran Berdasarkan Pengalaman

Guru juga boleh menganjurkan kembara ilmu sama ada di dalam atau di luar negara untuk meluaskan pengalaman pembelajaran pelajar. Kembara ilmu memberikan peluang kepada pelajar terlibat secara aktif dan mengalami sendiri perkara yang dipelajarinya. Contohnya, apabila guru ingin mendedahkan pelajar kepada aspek amalan dan budaya masyarakat Melayu, pelajar-pelajar boleh dibawa ke masjid atau pusat pengagihan bubur semasa bulan Ramadan untuk beriftar atau melibatkan diri secara langsung jika berpeluang dan bukan sekadar membaca daripada teks tentang amalan berpuasa.

Selain aktiviti yang telah diterangkan, perkhemahan bahasa yang memuatkan aktiviti-aktiviti bahasa dan budaya boleh dijalankan di peringkat sekolah, kelompok atau zon. Peraduan, bengkel, ceramah, simposium atau persembahan boleh juga dianjurkan bagi tujuan meningkatkan kemahiran pelajar.

Bahagian 4 - Penilaian

4.1 Matlamat Penilaian

4.2 Penilaian Pembelajaran

4.3 Penilaian Seimbang

4.4 Penilaian Berasaskan Sekolah

4.5 Perancangan Penilaian

4.6 E-Penilaian

4.1 MATLAMAT PENILAIAN

Matlamat utama penilaian adalah untuk menyokong pelajar agar terus maju dalam pembelajaran mereka. Penilaian yang dijalankan harus dapat membantu guru menjawab soalan-soalan yang penting tentang pengajaran dan pembelajaran yang berlaku di dalam kelas. Soalan-soalan penting ini adalah:

- Se jauh manakah pelajar telah mempelajari perkara yang telah diajarkan?
- Di manakah tahap pembelajaran pelajar sekarang?
- Bagaimanakah pelajar boleh dibantu untuk merapatkan jurang pembelajaran itu?

4.2 PENILAIAN PEMBELAJARAN

Penilaian membantu guru dan pelajar. Untuk guru, maklumat yang diperoleh daripada penilaian membantu guru merancang strategi pengajaran yang lebih berkesan di samping memberikan maklum balas tentang kemajuan pelajar. Untuk pelajar pula, penilaian memberikan mereka maklumat tentang pembelajaran mereka dan langkah yang perlu diambil seterusnya untuk meningkatkan diri. Oleh itu, penilaian merupakan 'nadi pengajaran yang berkesan'.

Aktiviti penilaian berlaku berterusan dan merupakan proses kitaran.




Rajah 9: Kitaran Penilaian dan Maklum Balas dalam Pembelajaran

Kesemua kegiatan pembelajaran harus mempunyai cara untuk menilai keberkesanannya. Baik secara formal atau tidak formal, bertulis atau lisan dan sebagainya, guru harus membuat penilaian sama ada pelajar sudah mencapai matlamat pembelajaran atau memerlukan aktiviti sokongan, tambahan ataupun memerlukan strategi pengajaran yang berbeza.

4.3 PENILAIAN SEIMBANG

Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu (Program Khas) 2025 menyokong pelaksanaan Penilaian Formatif dan Penilaian Sumatif. Untuk memastikan sesuatu penilaian itu lebih bermakna, keseimbangan dalam pelaksanaan kedua-dua bentuk penilaian ini perlulah dicapai. Keseimbangan penilaian berlaku apabila kedua-dua bentuk digunakan tanpa memberikan fokus berlebihan pada mana-mana bentuk penilaian.

Maklum balas yang membina merupakan antara alat penilaian yang berkesan untuk meningkatkan motivasi pelajar. Maklum balas yang tepat masa dan berfokus dapat membantu pelajar mengetahui langkah-langkah yang perlu diambil untuk meningkatkan pembelajaran mereka. Motivasi untuk memperbaiki diri menunjukkan potensi perubahan positif yang boleh berlaku dengan maklum balas yang membina seperti yang digambarkan dalam Rajah Kontinum Penilaian yang berikut:



Rajah 10: Kontinum Penilaian

Di sepanjang kontinum, guru dan pelajar bekerjasama menuju ke arah penilaian yang bertujuan lebih formatif atau sumatif. Untuk memastikan sistem penilaian yang dilaksanakan seimbang dan lebih bermakna, kedua-dua jenis penilaian ini harus ada dan perlu dicapai. Keseimbangan penilaian berlaku apabila kedua-dua bentuk digunakan tanpa memberikan fokus berlebihan pada mana-mana bentuk penilaian. Maklumat yang diperoleh akan digunakan untuk memandu pengajaran dan pembelajaran yang lebih produktif. Dengan itu, penilaian harus dirancang dengan baik untuk memastikan keseimbangan ini tercapai. Selain itu, penilaian seimbang juga melibatkan pembangunan pelajar dalam domain pembangunan seperti nilai-nilai teras Kecakapan Abad ke-21.

4.4 PENILAIAN BERASASKAN SEKOLAH

Proses penilaian bermula dengan perancangan program Bahasa Melayu (Program Khas) di sekolah dan mengetahui sistem penilaian sekolah. Contohnya:

- Bagaimanakah sekolah melaporkan perkembangan pembelajaran pelajar?
- Apakah jenis dokumentasi dan jenis penilaian yang digunakan?
- Adakah sekolah menjalankan ujian penggal dan peperiksaan semester?
- Apakah pemberatan ujian penggal atau peperiksaan semester dalam laporan keseluruhan pelajar?
- Apakah jenis-jenis penilaian yang diberikan timbangan [weighted assessment (WA)]?
- Bagaimanakah timbangan dilakukan?

- Apakah teras kriteria kejayaan dan standard pencapaian bagi sesebuah penilaian yang dijalankan?
- Bagaimanakah maklum balas guru/pelajar/rakan dilakukan di sekolah?
- Bagaimanakah program penilaian berasaskan sekolah dinilai?

Rajah 11: Contoh pembahagian timbangan penilaian tanpa peperiksaan pertengahan tahun:

Tidak Terhad*	Penggal 1	Penggal 2		Penggal 3	Penggal 4	
	WA	WA	MYE	WA	WA	EOY
Contoh 1	10%	15%	-----	15%	10%	50%
Contoh 2	10%	15%	-----	15%	-----	60%
Contoh 3	-----	15%	-----	15%	-----	70%

WA: Penilaian yang diberikan timbangan

MYE: Peperiksaan Pertengahan Tahun

EOY: Peperiksaan Akhir Tahun

*Jumlah contoh tidak terhad

Guru juga perlu menentukan timbangan yang selaras dengan sistem penilaian sekolah. Contohnya, timbangan WA setiap penggal tidak harus melebihi 15% atau melebihi 50% sepanjang tahun.

4.5 MERANCANG PENILAIAN

Penilaian yang dilaksanakan harus membantu pembelajaran yang bermakna sama ada dilaksanakan sebagai sebahagian daripada proses pengajaran dan pembelajaran atau penilaian berasaskan sekolah. Dengan itu, guru perlu membuat perancangan supaya penilaian dapat dilaksanakan dengan berkesan.

	Langkah-langkah	Perincian
Penyediaan	Merancang • Menentukan hasil pembelajaran • Menentukan alat penilaian	• Apakah matlamat umum/khusus yang ingin dicapai? • Bagaimanakah matlamat tersebut diterangkan kepada pelajar? • Apakah jenis kemahiran/pengetahuan yang ingin diukur? • Di peringkat proses pembelajaran yang manakah harus dijalankan penilaian? • Apakah jenis tugas yang akan digunakan? • Apakah ciri-ciri dalam tugas tersebut? • Apakah alat penilaian yang akan digunakan? • Bagaimanakah hasil penilaian tersebut dapat diterangkan kepada pelajar? • Apakah jenis tindakan susulan yang boleh dijalankan?
	Membina, melaksanakan dan menganalisis • Menyediakan alat penilaian • Menjalankan penilaian • Menerangkan proses penilaian • Mengenal pasti perkembangan pelajar	• Adakah pelajar faham akan matlamat tugas yang diberikan? • Adakah pelajar faham akan kriteria yang digunakan untuk mengukur kelakonan mereka? • Adakah pelajar tahu akan tahap pencapaian yang harus diperoleh? • Di manakah penilaian tersebut akan dijalankan? Adakah tempat tersebut sesuai dengan pengetahuan/kemahiran yang ingin diukur? • Berapa lamakah masa yang diberikan untuk pelajar membuat persediaan atau melakukan tugas tersebut?

Pentafsiran	Merekod dan melaporkan • Merujuk perkembangan pelajar • Menentukan tindakan susulan • Merekod butiran/maklumat dalam bentuk pernyataan, markah atau gred • Menyampaikan maklumat tentang perkembangan murid secara berterusan • Memberitahu pelajar, pihak sekolah dan ibu bapa tentang tindakan susulan	• Bagaimanakah tugas pelajar dinilai? • Bagaimanakah kelakonan pelajar direkod? • Adakah bukti/dapatan penilaian yang dijalankan menerangkan tentang pembelajaran pelajar? • Bagaimanakah maklum balas dapat diberikan kepada pelajar? • Apakah strategi yang boleh digunakan untuk mempertingkatkan pembelajaran pelajar setelah memahami keperluan/kekuatan pembelajaran pelajar? • Bagaimanakah pelajar dapat dipandu untuk mencapai matlamat yang baharu?
Tindakan	Tindakan Susulan • Pengukuhan • Pengayaan • Pemulihan	• Apakah tindakan susulan yang perlu diambil? • Apakah perkara yang perlu diambil kira semasa tindakan susulan diambil? • Bagaimanakah tindakan susulan yang diambil membantu pelajar dalam pembelajaran?

4.6 E- PENILAIAN

Penggunaan Teknologi Informasi dan Komunikasi (ICT) dan bahan digital dalam pengajaran dan pembelajaran sudah menjadi fitur yang biasa di dalam bilik darjah. Sukatan juga memberikan penekanan tentang penggunaan ICT untuk mempertingkatkan Kecekapan Abad ke-21. E-penilaian boleh digunakan untuk penilaian formatif atau summatif.

Student Learning Space (SLS) merupakan wadah yang memandu guru menggunakan e-pedagogi untuk menyiapkan pengajaran yang menggunakan teknologi. Namun, penggunaan SLS tidak hanya terhad pada alat dan fitur SLS. Pelbagai aplikasi teknologi juga boleh digunakan. Dengan penggunaan e-pedagogi dan ICT, penilaian juga boleh dijalankan menggunakan ICT dan SLS. Guru boleh menggunakan fitur yang terdapat dalam SLS untuk menjalankan Penilaian untuk Pembelajaran (AfL) dan mengumpulkan maklumat untuk mengenal pasti sama ada objektif pembelajaran tercapai.

Tujuan e-Penilaian adalah untuk:

- mempercepat pemarkahan guru dan keputusan pelajar dengan pemarkahan automatik
- memudahkan akses bagi pelajar dan guru pada bila-bila masa
- memperluas peluang untuk memberikan maklum balas serta merta kepada pelajar
- menyediakan ujian adaptif yang boleh disesuaikan tahap kesukaran berdasarkan prestasi pelajar
- menimbulkan rasa seronok dalam pembelajaran dengan pelbagai jenis soalan yang merangkumi elemen interaktif, simulasi dan multimedia.
- mengumpulkan data prestasi terperinci yang boleh dianalisis dengan mudah

Bahagian 5 - Lampiran

A: Kemahiran dan Pengetahuan Bahasa

B: Domain dan Subtopik

C: *Common European Framework of Reference for Languages (CEFR)*: Skala Global

D-1: 24 Aspek Pengajaran STP

D-2: Pengajaran dan Pembelajaran

Kemahiran dan Pengetahuan Bahasa

Kemahiran Bahasa

Pelajar harus mengasah kemahiran berbahasa mereka menerusi kemahiran-kemahiran bahasa yang berikut:

- i. **Reseptif:** mendengar dan membaca
- ii. **Produktif:** bertutur dan menulis
- iii. **Interaksi:** interaksi lisan dan interaksi penulisan

Reseptif: mendengar dan membaca

Kemahiran reseptif yang merangkumi kemahiran melihat, berfikir, memahami dan menyampaikan respons memerlukan pelajar memahami dan mentafsir makna pelbagai jenis teks apabila mereka mendengar dan membaca.

Mendengar (termasuklah keupayaan melihat)

- mendengar pelbagai pengucapan seperti perbualan, perbincangan, ucapan, ceramah, lakonan dan temu bual sama ada dengan penyertaan keupayaan melihat atau sebaliknya.

Membaca (termasuk keupayaan melihat)

- keupayaan membaca pelbagai bahan dan memahami kandungan bahan tersebut sama ada dengan penyertaan keupayaan melihat atau sebaliknya.

Produktif: bertutur dan menulis

Kemahiran produktif melibatkan penciptaan dan persembahan tugas bertutur atau penulisan dalam menghasilkan teks lisan atau tulisan.

Bertutur

- menyampaikan perasaan, maklumat, pendapat dan idea secara lisan dengan menggunakan bahasa yang sesuai. Kemahiran bertutur mengambil kira aspek kesantunan berbahasa.

Menulis

- menghasilkan pelbagai jenis penulisan dengan menggunakan pengetahuan bahasa dan teknik penulisan yang pelbagai termasuklah aspek kreativiti.

Interaksi lisan dan interaksi penulisan

Dalam interaksi lisan dan interaksi penulisan dan melihat, terdapat komunikasi interpersonal yang memerlukan tindak balas dan melibatkan lebih daripada seorang pengguna bahasa. Kemahiran interaksi memerlukan pelajar untuk berkomunikasi secara dua hala sama ada secara lisan atau penulisan untuk pelbagai tujuan.

Interaksi Lisan

- melibatkan kerjasama antara dua atau lebih penutur dalam situasi komunikatif sebagai pendengar dan penutur dengan seseorang atau dalam kumpulan. Kebolehan berinteraksi secara spontan mempamerkan kemahiran interaksi lisan.

Interaksi Penulisan (termasuk keupayaan melihat)

- melibatkan diri dalam komunikasi dua hala dengan seseorang atau lebih daripada seorang dengan menggunakan bahan bertulis sebagai perantara sama ada dengan penyertaan keupayaan melihat atau sebaliknya.

Pengetahuan Bahasa

Pengetahuan bahasa diperoleh pelajar untuk menginterpretasi dan mencipta teks dalam penggunaan bahasa dan terbahagi kepada tiga bahagian, iaitu **linguistik**, **sosiolinguistik** dan **pragmatik**.

Lingusitik

Pengetahuan tentang lingustik memberi pelajar pemahaman tentang struktur bahasa. Keupayaan ini membolehkan pelajar menggunakan bahasa Melayu dengan berkesan.

Tatabahasa

Tatabahasa diajarkan secara terancang dan dalam konteks yang bermakna dan difahami oleh pelajar. Kandungan tatabahasa terdiri daripada morfologi (bentuk kata, proses pembentukan kata dan golongan kata) dan sintaksis (bentuk, struktur, dan binaan ayat).

Morfologi

Bentuk kata

kata tunggal, kata terbitan, kata ganda, dan kata majmuk. Proses pembentukan kata meliputi pengimbuhan, penggandaan dan pemajmukan. Bentuk pengakroniman tidak diajarkan untuk Bahasa Melayu (Program Khas).

Golongan kata

kata nama, kata kerja, kata adjektif dan kata tugas.

Sintaksis

Unsur utama ayat

frasa dan pembinaannya serta pembahagian ayat (subjek dan predikat)

Jenis ayat

ayat penyata, ayat tanya, ayat perintah dan ayat seruan

Ragam ayat

ayat aktif dan ayat pasif

Susunan ayat

susunan biasa dan songsang

Binaan ayat

ayat tunggal dan ayat majmuk

Ortografi

Pola keselarasan huruf vokal, ejaan kata pinjaman dan ejaan kata terbitan. Aspek tanda baca khususnya bagi penggunaan dalam ayat dan dalam bentuk bukan ayat.

Fonologi

Keupayaan menyebut perkataan dengan menggunakan sebutan bahasa Melayu baku dalam konteks rasmi. Dalam pengucapan bahasa Melayu, terdapat intonasi yang berbeza-beza agar sesuatu maksud dapat disampaikan dengan tepat dan jelas berdasarkan konteks, tujuan dan khalayak.

Leksikon

Penguasaan kosa kata perlu dipertingkatkan dan dikembangkan selaras dengan pemerolehan dan pertambahan ilmu murid.

Sosiolinguistik

Rujukan Budaya

Rujukan budaya ialah pemahaman tentang penggunaan ekspresi budaya tertentu untuk meningkatkan kesedaran dan penghayatan terhadap budaya tersebut. Ini termasuk aspek kesantunan dalam berbahasa dan penggunaan ungkapan atau peribahasa.

Laras dan Kepelbagaian Bahasa

Hal ini merujuk gaya, nuansa atau cara menggunakan sesuatu bahasa dalam situasi tertentu, pemilihan kata atau istilah dan struktur ayat yang berlainan mengikut situasi tertentu.

Pragmatik

Pragmatik merujuk hubungan bahasa dalam konteks yang bersesuaian. Antara fokus yang diberikan adalah kepada aspek fungsional, paralinguistik, pengantaraan dan mengambil giliran. Aspek-aspek ini membolehkan pelajar menginterpretasi atau mencipta teks dengan mengambil kira makna, tujuan pengguna bahasa dan ciri-ciri relevan dalam konteks penggunaan bahasa.

Aspek Fungsional

Tujuan fungsional ialah pemahaman tentang tujuan penggunaan bahasa yang berbeza mengikut konteks. Hal ini termasuklah memahami perbezaan tujuan dalam penggunaan bahasa seperti mengenal pasti tujuan komunikasi dan menggunakan struktur atau teks bahasa yang berbeza.

Paralinguistik

Paralinguistik merujuk kepada unsur-unsur bukan lisan dalam komunikasi yang mengiringi pertuturan dan menyumbang kepada makna keseluruhan sesuatu mesej. Unsur-unsur ini melampaui perkataan sebenar yang diucapkan dan merangkumi pelbagai isyarat vokal dan fizikal seperti ekspresi muka, pergerakan tangan dan postur badan. Hal ini penting untuk menyampaikan emosi dan sikap, meningkatkan atau mengubah makna mesej yang disampaikan secara lisan, memberikan konteks dan makna tersirat kepada perkataan yang diucapkan dan membantu dalam pengambilan giliran semasa perbualan.

Pengantaraan (Mediation)

Pengantaraan dalam pembelajaran bahasa merujuk kepada proses memudahkan komunikasi, pemahaman, dan penciptaan makna merentasi halangan linguistik, budaya, atau konseptual. Pengantaraan melibatkan pentafsiran, penterjemahan, atau penjelasan kandungan dengan cara yang membuatnya mudah difahami oleh orang lain. Pengantaraan boleh berlaku dalam tiga senario yang berikut:

Pengantaraan teks-ke-teks: Meringkaskan, menterjemah, atau menyesuaikan teks bertulis.

Pengantaraan teks-ke-penutur: Menjelaskan kandungan bertulis kepada orang lain secara lisan.

Pengantaraan penutur-ke-penutur: Memudahkan komunikasi antara individu.

Mengambil giliran (Turn taking)

Pengambilan giliran dalam pembelajaran memberi peluang kepada pelajar untuk bercakap, menyumbang, atau melibatkan diri dalam aktiviti. Amalan ini penting dalam persekitaran pembelajaran kerana pengambilan giliran menggalakkan penyertaan aktif, peluang sama rata untuk pelibatan dan komunikasi yang berkesan.

Domain dan Subtopik	
Domain Peribadi	Memperkenalkan diri Menggambarkan ahli keluarga dan hubungan kekeluargaan Bercakap tentang hobi dan minat Menggambarkan rumah dan situasi tempat tinggal Berkongsi tentang rutin dan aktiviti harian Menyatakan pendapat dan perasaan peribadi Berkongsi tentang pengalaman peribadi Menggambarkan penampilan dan ciri-ciri personaliti diri Menyatakan cita-cita atau aspirasi peribadi
Domain Keluarga	Menerangkan panggilan dalam keluarga dan salasilah keluarga Menggambarkan ahli keluarga (ciri-ciri fizikal, personaliti) Berkongsi tentang kegiatan, rutin, tradisi, amalan dan adat keluarga Menyatakan nilai-nilai keluarga Menggambarkan acara, sambutan dan perayaan keluarga
Domain Sekolah	Bercakap tentang jadual waktu, rutin harian sekolah, subjek dan kegiatan sekolah Menggambarkan kemudahan sekolah (perpustakaan, gimnasium, kafeteria) dan kakitangan sekolah dan peranan mereka (guru, pengetua, kaunselor dan lain-lain lagi) Menggambarkan acara dan sambutan sekolah (perkhemahan, hari sukan, kembara ilmu dan lain-lain lagi)
Domain Sekitar (Masyarakat dan Serantau)	Menggambarkan kehidupan di kawasan kejiranan dan hubungan sesama jiran Membincangkan acara, sambutan dan festival budaya Membincangkan penggunaan media dan teknologi dalam masyarakat Menerangkan seni dan warisan budaya/silang budaya Berkongsi tentang tempat-tempat menarik dan mercu tanda ikonik negara Bercakap tentang sosiobudaya serantau seperti warisan, adat resam dan amalan tradisional, seni dan kraf, muzik dan tarian, festival dan perayaan Menggambarkan pelancongan, corak iklim dan cuaca khusus untuk kawasan tersebut Menerangkan legenda dan cerita rakyat tempatan dan serantau

Common European Framework of Reference for Languages (CEFR): Skala Global

Common European Framework of Reference for Languages (CEFR): Global Scale		
PROFICIENT USER	C2	Can understand with ease virtually everything heard or read. Can summarise information from different spoken and written sources, reconstructing arguments and accounts in a coherent presentation. Can express him/herself spontaneously, very fluently and precisely, differentiating finer shades of meaning even in more complex situations.
	C1	Can understand a wide range of demanding, longer texts, and recognise implicit meaning. Can express him/herself fluently and spontaneously without much obvious searching for expressions. Can use language flexibly and effectively for social, academic and professional purposes. Can produce clear, well-structured, detailed text on complex subjects, showing controlled use of organisational patterns, connectors and cohesive devices.
INDEPENDENT USER	B2	Can understand the main ideas of complex text on both concrete and abstract topics, including technical discussions in his/her field of specialisation. Can interact with a degree of fluency and spontaneity that makes regular interaction with native speakers quite possible without strain for either party. Can produce clear, detailed text on a wide range of subjects and explain a viewpoint on a topical issue giving the advantages and disadvantages of various options.
	B1	Can understand the main points of clear standard input on familiar matters regularly encountered in work, school, leisure, etc. Can deal with most situations likely to arise whilst travelling in an area where the language is spoken. Can produce simple connected text on topics which are familiar or of personal interest. Can describe experiences and events, dreams, hopes & ambitions and briefly give reasons and explanations for opinions and plans.
BASIC USER	A2	Can understand sentences and frequently used expressions related to areas of most immediate relevance (e.g. very basic personal and family information, shopping, local geography, employment). Can communicate in simple and routine tasks requiring a simple and direct exchange of information on familiar and routine matters. Can describe in simple terms aspects of his/her background, immediate environment and matters in areas of immediate need.
	A1	Can understand and use familiar everyday expressions and very basic phrases aimed at the satisfaction of needs of a concrete type. Can introduce him/herself and others and can ask and answer questions about personal details such as where he/she lives, people he/she knows and things he/she has. Can interact in a simple way provided the other person talks slowly and clearly and is prepared to help.

24 Aspek Pengajaran STP*

Budaya Positif di Bilik Darjah

Aspek Pengajaran	Aktiviti Mengajar / Pertimbangan
1. Mewujudkan Interaksi dan Hubungan Rapat	1. Mengenali Pelajar 2. Membina hubungan positif dengan pelajar 3. Memudah cara interaksi antara murid
2. Mengekalkan Disiplin yang Positif	1. Membina hubungan positif antara guru dan pelajar 2. Menyediakan persekitaran untuk disiplin positif 3. Mengenal pasti ruang untuk pembangunan 4. Memantau dan mengurus tingkah laku 5. Melaksanakan tindakan susulan yang positif dan negatif 6. Mengurus tugas secara serentak
3. Menetapkan Jangkaan dan Rutin	1. Mendapatkan perhatian pelajar 2. Memula dan menutup 3. SEE(Simple, Efficient, Effective) – Mudah, Cekap, Berkesan 4. S ³ (Scan, Scan, Scan) – Imbas, Imbas, Imbas
4. Membina Kepercayaan	1. Berfikir positif 2. Mengurus emosi 3. Menjadikan pembelajaran menyeronokkan
5. Memperkasakan Murid	1. Memberi pilihan 2. Merangsang murid untuk berjaya

Penyediaan Pelajaran

6. Menentukan Objektif Pelajaran	1. Kesiediaan pelajar 2. Disiplin subjek (Pengetahuan dan konsep) 3. Kesejajaran visi pengajaran dan pembelajaran dengan subjek 4. Kesejajaran dengan hasil pelajar yang diingini 5. Objektif yang realistik dan boleh dicapai
7. Mengambil kira Profil Pelajar	1. Mengumpul maklumat mengenai profil pelajar 2. Membezakan kandungan 3. Membezakan proses 4. Membezakan produk 5. Membezakan persekitaran pembelajaran
8. Memilih dan Menyusun Urutan Kandungan	1. Memahami peranan kandungan dalam pembelajaran pelajar 2. Memahami konsep, prinsip utama dan kemahiran dalam subjek 3. Menyusun kandungan untuk memudah cara pembelajaran pelajar
9. Merancang Soalan-soalan Utama	1. Tujuan bertanyakan soalan 2. Jenis-jenis soalan sesuai dengan matlamat pembelajaran dan mengikut taksonomi 3. Peranan guru – positif semasa menyoal dan memberi maklum balas
10. Menyusun	1. Menentukan objektif pelajaran dan kriteria kejayaan

Pembelajaran	2. Menentukan pendekatan pelajaran
	3. Pengumpulan data atau bukti pembelajaran
11. Memilih Strategi Pengajaran	1. Fokus (Pengetahuan, Kemahiran, Sikap atau Nilai) dalam objektif pelajaran
	2. Keselarasan dengan kriteria kejayaan dan bukti pembelajaran yang diperlukan
	3. Disiplin subjek dan pendekatan pengajaran
	4. Interaksi antara guru dan murid dan kandungan
	5. Profil pelajar
12. Menetapkan Alat Bantu dan Bahan Pembelajaran	1. Menentukan kandungan dan matlamat kurikulum
	2. Memahami dan mengetahui profil pelajar
	3. Memilih strategi pengajaran
	4. Peranan guru

Pelaksanaan Pelajaran

13. Mengaktifkan Pengetahuan sedia ada	1. Fikir-Berpasangan-Berkongsi: <i>Think-Pair-Share</i>
	2. KWL – Tahu, Mahu tahu, Telah Dipelajari
	3. Kartun Berkonsep (<i>Concept Cartoons</i>)
	4. STAR (<i>Scenario Analysis, Team Inquiry, Application and Reflection</i>) Analisis Senario, Inkuiri Berpasukan, Aplikasi dan Refleksi
	5. Mengajar Menggunakan Objek (<i>Teaching with Object</i>)
14. Merangsang minat	1. Menggunakan Cerita dan Imej
	2. Peristiwa-peristiwa Bercanggah (<i>Discrepant events</i>)
	3. Mengajar Rakan (<i>Teach a Friend</i>)
15. Menggalakkan Pelibatan Murid	1. Ulang-Jelaskan-Faham(RCU- <i>Repeat-Clarify-Understand</i>)
	2. Teroka, Terlibat, Aplikasi (<i>Explore, Engage, Apply</i>)
	3. Pelibatan menerusi kerjasama dan interaksi
16. Menggunakan Fleksibiliti	1. Memberikan respons yang tepat dan sesuai
	2. Memberikan tahap perancah yang diperlukan
	3. Memberikan respons yang berkualiti
	4. Menangani murid yang tidak memberikan respons
17. Memberikan Penerangan yang Jelas	1. Menggunakan Analogi
	2. Melakukan Tunjuk Cara
	3. Menggunakan Model(objek)
	4. Model Pemikiran Lantang (<i>Model Thinking Aloud</i>)
	5. Menggunakan Penyusun Grafik
18. Menyusun Langkah dan Mengekalkan Momentum	1. Berhenti Sejenak dan Lakukan Refleksi
	2. Mengurus Peralihan (<i>Managing Transitions</i>)
	3. Pengisi Masa (<i>Time Fillers</i>)
19. Memudah cara Pembelajaran Kolaboratif	1. Perbincangan Papan Putih(<i>Whiteboarding</i>)
	2. <i>Jigsaw</i>
	3. Pengajaran <i>Reciprocal</i>
	4. Fikir-Berpasangan-Berkongsi (<i>Think-Pair-Share</i>)
	5. Mencari Informasi (<i>Scouting for Information</i>)
20. Menggunakan Soalan untuk Memperdalam Pembelajaran	1. Rangkaian IRF (Mulakan-Respons-Maklum Balas (<i>Initiate-Response-Feedback</i>))
	2. Mengepam (<i>Pumping</i>)

	3. Perhalus, Perhalus, Perhalus (R^3 – <i>Refine</i>)
	4. Menjana Soalan (<i>Generating Questions</i>)
	5. Cabar Saya (<i>Challenge Me</i>)
	6. Menjelaskan-Memeka-Pengaruhi (CSI: <i>Clarify, Sensitise-Influence</i>)
	7. Teknik Penyoalan Sokratik (<i>Socratic Method of Questioning</i>)
	1. Hulurkan Kertas (<i>Pass it Round</i>)
	2. Senarai Semak Pembelajaran Saya
21. Menutup Pelajaran	3. Representasi Melihat Saya
	4. Apa dan Bagaimana Saya Belajar (WHILE- <i>Why and How I learn</i>)
	5. Memantau Pembelajaran Saya Menggunakan Ringkasan 3-2-1.

Penilaian dan Maklum Balas

22. Memantau Pemahaman dan Memberi Maklum Balas	1. Maklum Balas dalam Bentuk Komen Sahaja
	2. Dua langkah MCQ (<i>Two-Step MCQ</i>)
	3. Saya Buat, Saya Tahu, Saya Semak (<i>I Do, I Know, I Check</i>)
	4. Kongsi Pembelajaran Saya (<i>Share my learning</i>)
	5. Meter Ibu jari (<i>Thumbometer</i>)
	6. Kajian (<i>Research</i>) – kajian-kajian mengenai pemantau dan memberikan maklum balas yang berkesan
23. Menyokong Pembelajaran Secara Kendiri	1. Mempamer Pemahaman Saya Melalui Peta Minda
	2. Main Peranan
	3. Perbincangan Forum Dalam Talian Berstruktur
	4. Kajian (<i>Research</i>) – kajian-kajian berkaitan penilaian yang menyokong pembelajaran secara sendiri
24. Menyediakan Tugas yang Bermakna	1. Unjuk dan Ujar (<i>Show and Tell</i>)
	2. Menerangkan Pemikiran Saya dengan Menjawab Dua Bahagian Soalan
	3. Latihan untuk Menguasai (<i>Practice for Mastery</i>)
	4. Pilihan Awak (<i>Your Choice</i>)

*Sila rujuk laman STP dan kemas kini dari semasa ke semasa di

<https://academyofsingaporeteachers.moe.edu.sg/professional-excellence/the-singapore-teaching-practice/>

PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN

Pendekatan Berasaskan Tugas (Task-based approach)

Dalam pengajaran Bahasa Melayu (Program Khas), Pendekatan Berasaskan Tugas (TBA) yang berunsur komunikatif ini dapat menyediakan peluang untuk pelajar mengaplikasikan pembelajaran dalam situasi yang mencerminkan kehidupan harian mereka dan melibatkan mereka secara aktif. Pengajaran menggunakan TBA memberi fokus kepada satu tugas utama. Semasa menyelesaikan tugas itu, pelajar akan mempelajari pengetahuan dan kemahiran-kemahiran bahasa secara implisit.

Hasil pembelajaran dibuat secara eksplisit kepada pelajar untuk meningkatkan motivasi dan menggalakkan pembelajaran sendiri. Pembelajaran berpusatkan pelajar kekal sebagai ciri teras pendekatan ini kerana pelajar diberikan ruang untuk mengenal pasti dan menggunakan bentuk bahasa dirasakan paling sesuai untuk mencapai hasil pembelajaran. Tambahan pula, pendekatan TBA memberikan peluang untuk pengajaran dialogik dan kolaboratif serta pembelajaran berteraskan pengalaman.

Dalam merancang pengajaran berdasarkan pendekatan TBA, guru perlu memastikan tugas disesuaikan dengan konteks dan tujuan pembelajaran supaya dapat menyediakan pengalaman pembelajaran yang optimal buat pelajar. Guru boleh memilih jenis-jenis tugas yang telah dikategorikan mengikut kemahiran bahasa (mendengar, bertutur, membaca dan menulis) seperti yang berikut:

- Berinteraksi dan berbincang
- Berinteraksi dan membuat keputusan
- Memberi informasi
- Respons peribadi
- Ekspresi peribadi

Selain itu, ada juga jenis-jenis tugas yang memberi fokus kepada kemahiran berfikir aras tinggi seperti yang berikut:

- Bertanya dan membuat interpretasi
- Membuat pembentangan
- Menyelesaikan masalah
- Membuat persembahan
- Mencipta, mereka dan mengarang
- Mengadil, menilai dan memberikan respons

Pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran

Teknik ialah cara yang lebih khusus untuk mencapai sesuatu objektif. Teknik boleh dilihat sebagai satu cara bagi membantu guru menjayakan sesuatu kaedah pengajaran. Terdapat pelbagai teknik yang boleh digunakan oleh guru bagi membantu pelajar memperoleh dan menguasai bahasa.

Teknik Ajuk-Hafal

Teknik ini bermaksud pengajaran disampaikan melalui demonstrasi dan latih tubi. Pengajaran secara demonstrasi harus berkaitan dengan sebutan atau pertuturan melalui guru bahasa. Dalam pengajaran ini, penutur jati akan menyebut perkataan atau membaca ayat. Setelah mendengar perkataan atau ayat tersebut, pelajar akan mengajuknya sehingga separuh terhafal. Sebagai contoh, setelah dibacakan satu

perkataan atau ayat dengan intonasi yang betul, pelajar dikehendaki mengajuknya beberapa kali sehingga perkataan atau ayat itu disebut dengan intonasi yang betul. Bagi cara latih tubi, penutur jati akan menyebut perkataan atau membaca ayat beberapa kali diikuti oleh pelajar-pelajar sehinggalah mereka menghafal perkataan atau ayat tersebut.

Melalui teknik ini, pelajar akan mengalami proses mendengar, melihat, memikirkan maksud perkataan serta fungsinya dalam situasi atau konteks penggunaan perkataan tersebut. Teknik ini merupakan proses latihan yang bertujuan untuk membentuk kelaziman yang betul bagi menggunakan struktur bahasa.

Teknik Simulasi

Simulasi ditakrifkan sebagai satu situasi yang diwujudkan hampir menyerupai keadaan sebenar yang memerlukan pelajar berinteraksi sesama sendiri berdasarkan peranan masing-masing bagi membuat keputusan dalam menyelesaikan masalah, isu atau tugas. Melalui teknik ini, pelajar dapat menggunakan kemahiran belajar seperti mengumpulkan maklumat, menjalankan temu ramah dengan individu tertentu dan mencatat isi-isi penting.

Dalam proses ini, pelajar digalakkan untuk memberikan pendapat, cadangan, membuat keputusan dan menyelesaikan masalah berdasarkan peranan yang dipertanggungjawabkan. Teknik ini memberikan peluang kepada pelajar mengalami sendiri situasi dan masalah. Melalui teknik ini, pelbagai kemahiran dapat digabung jalin dan dipertingkatkan terutamanya dalam kemahiran lisan, membaca, menulis dan berinteraksi.

Teknik Permainan

Teknik permainan sering digunakan dalam kaedah komunikatif kerana aktiviti permainan dianggap amat penting bagi membentuk kecekapan berinteraksi ataupun kecekapan berkomunikasi seseorang pelajar. Permainan dapat menimbulkan situasi pembelajaran yang menggembirakan pelajar. Pelbagai jenis permainan yang dapat dijalankan, antaranya termasuk permainan yang berasaskan pemerhatian, ingatan, huraian atau meneka, secara kumpulan atau individu. Guru juga boleh menggunakan kad. Teknik ini merangsang interaksi lisan pelajar di samping menambah kefasihan dan keyakinan. Selain itu, teknik ini juga bertindak sebagai alat yang dapat mengikis rasa bosan dan bertindak sebagai alat pemulihan, pengukuhan dan pengayaan.

Teknik Soal Jawab

Teknik ini membolehkan guru dan pelajar berinteraksi secara berkesan. Teknik ini dilaksanakan dengan cara guru mengemukakan soalan-soalan yang berkaitan dengan isi pelajar dan pelajar dikehendaki memberikan tindak balas yang sewajarnya. Soalan-soalan yang dikemukakan oleh guru memerlukan pelajar berfikir di samping dapat menguji dan menilai apa yang diajar dan dipelajari.

Namun, soalan-soalan tersebut perlulah sesuai dengan keupayaan dan kesediaan pelajar. Soalan-soalan yang dibentuk dalam teknik bersoal jawab boleh merentas kepada aras rendah dan aras tinggi. Soalan kognitif beraras rendah merupakan soalan-soalan untuk mengingat dan memahami sementara soalan kognitif beraras tinggi pula ialah soalan yang memerlukan pelajar mengubah bentuk maklumat yang diberikan bagi membuat perbandingan dan menganalisis. Bagi menggunakan teknik ini guru boleh:

- rancang soalan yang hendak diajukan;
- berikan masa untuk pelajar berfikir sebelum meminta mereka menjawab (sekurang-kurangnya 30 saat);
- berikan respons terhadap jawapan pelajar dan diikuti dengan soalan-soalan yang mencungkil;
- rumuskan isi-isi utama yang dikemukakan dengan menulis; dan
- berikan peluang bagi murid mendapatkan pengetahuan baharu melalui soalan-soalan yang diajukan oleh guru.

Teknik Drama

Tujuan utama teknik ini adalah untuk melatih pelajar menggunakan unsur bahasa, unsur paralinguistik (jeda, nada dan intonasi) dan mimik muka, gerak tangan, dan kepala dengan berkesan dalam sesuatu interaksi bahasa atau lakonan. Teknik drama dapat mendorong pelajar untuk menghubungkan perasaan pelajar dengan perkara yang dipelajarinya. Selain itu, teknik ini memberikan peluang kepada pelajar untuk membuat penemuan, meluahkan dan berkongsi sesuatu. Teknik ini dapat menimbulkan keseronokan dan keberkesanan pembelajaran pelajar.

Teknik Penyampaian

Penyampaian melibatkan aktiviti mempersembahkan ucapan di khalayak. Penyampaian boleh berbentuk ceramah, pidato, ulasan atau penerangan. Bahan yang dipersembahkan hendaklah ringkas dan padat, menepati isi dan menarik. Selain isi dan alat media, perkara-perkara lain yang harus diberikan perhatian ialah suara, bahasa gerak-geri dan penampilan. Yang berikut ialah beberapa aspek penting yang boleh membantu pelajar untuk membuat penyampaian yang baik:

Persediaan

Pelajar harus menyediakan struktur ucapan dengan logik. Setelah menulis draf yang pertama, pelajar harus menyemak dan memastikan bahawa isi yang relevan terdapat dalam penyampaian tersebut.

Melaksanakan Penyampaian

Pelajar hendaklah mengalu-alukan kehadiran penonton dan memberitahu penonton tentang tujuan dan perkara yang hendak disampaikan. Pelajar juga perlu merumuskan isi penyampaian pada akhir penyampaian.

Penyampaian

Pelajar hendaklah bertutur dengan jelas dan menjaga kelajuan penyampaian dengan baik;

- pelajar hendaklah berhenti sebentar dan boleh menggunakan pergerakan tangan untuk menekankan kepentingan isi tersebut;
- pelajar harus memandang penonton dan tidak terpaku kepada seseorang individu sahaja. Pelajar juga harus sentiasa memandang bahasa gerak-geri penonton kerana perkara ini boleh memberikan isyarat tertentu; dan
- pelajar harus berdiri di posisi yang tidak menghalang skrin.

Alat Bantu ICT

Penggunaan alat bantu ICT boleh membuat penyampaian pelajar lebih menarik dan meningkatkan minat pelajar lain untuk memberikan tumpuan kepada penyampaian tersebut. Untuk meningkatkan mutu penyampaian, bahasa yang digunakan haruslah ringkas dan padat, tidak terlalu banyak maklumat dan warna slaid juga haruslah sesuai dan memudahkan pemahaman. Alat bantu ICT juga boleh digunakan untuk meningkatkan interaksi dalam komunikasi.

Teknik Membaca Secara Luncuran

Teknik membaca secara luncuran digunakan untuk mengenal pasti idea utama di dalam sesebuah teks dengan cepat. Pelajar boleh menggunakan teknik ini jika pelajar mempunyai banyak bahan bacaan yang harus dibaca dalam jangka masa yang pendek. Teknik ini sesuai untuk murid jika tujuan murid membaca teks tersebut adalah untuk mendapatkan sesuatu maklumat dan bukan untuk memahami isi teks dengan sepenuhnya. Ketika menggunakan teknik luncuran, murid boleh membaca:

- perenggan pertama dan terakhir;
- tajuk, subtajuk dan ilustrasi; dan
- ayat pertama dalam setiap perenggan.

Teknik Membaca Secara Imbasan

Teknik membaca secara imbasan digunakan untuk mendapatkan satu perkataan/maklumat khusus di dalam sesebuah teks. Apabila menggunakan teknik imbasan pelajar diperlukan untuk membaca dengan pantas sambil mencari perkataan/maklumat khusus yang diperlukan. Ketika menggunakan teknik imbasan, perkara-perkara yang harus diberikan perhatian ialah:

- perkataan- perkataan seperti 'pertama', 'kedua' dan 'seterusnya';
- perkataan yang berhuruf tebal, berhuruf condong dan berlainan warna atau saiz; dan
- idea/perkara yang diletakkan di bahagian tepi teks.

Pusat Minat

Setiap pusat pembelajaran mengandungi informasi, bahan dan keterangan yang berkaitan dengan minat pelajar. Contohnya, pelajar yang berminat dalam bidang muzik boleh mempelajari tokoh-tokoh muzik dari pusat pembelajaran yang berdasarkan minat muzik. Selanjutnya, pelajar boleh membentuk kumpulan berdasarkan minat yang sama untuk bekerjasama bagi mendapatkan informasi, mengadakan perbincangan dan menjalankan kajian. Pusat pembelajaran dan kumpulan berdasarkan minat menggalakkan pelajar mengembangkan minat mereka dalam sesuatu bidang.

Teknik Inkuiri

Teknik inkuiri dikenali sebagai teknik tinjau siasat. Dalam teknik ini, pelajar perlu melalui dan memahami proses soal selidik bagi mendapatkan jawapan bagi masalah yang dikemukakan. Teknik inkuiri dapat mengembangkan kebolehan berfikir secara reflektif kerana pelajar sering mengemukakan soalan 'bagaimana'. Oleh itu, teknik ini dapat menimbulkan minat dan meningkatkan daya kreativiti murid. Langkah-langkah untuk melaksanakan teknik inkuiri adalah seperti yang berikut:

- guru atau pelajar mengenal pasti masalah yang ingin diselidiki;
- pelajar membuat ramalan/andaian mengenai masalah yang telah dikemukakan;
- pelajar mengumpulkan maklumat untuk menyokong ramalan/andaian yang telah dinyatakan;
- pelajar menganalisis maklumat yang telah dikumpulkan; dan
- pelajar membuat rumusan sama ada untuk menerima atau menolak ramalan/andaian yang telah dinyatakan.

Pembelajaran Berasaskan Masalah

Pembelajaran berasaskan masalah memerlukan guru untuk menyediakan satu masalah dan pelajar memikirkan cara untuk menyelesaikannya. Masalah tersebut haruslah berasaskan konteks dan menggunakan situasi sebenar. Teknik ini memberikan peluang kepada pelajar untuk menggabungkan pengetahuan dan kemahiran yang dipelajari daripada mata pelajaran lain. Melalui cara ini, guru dapat mempertingkatkan kemahiran berfikir pelajar seperti menyelesaikan masalah, pemikiran analitis dan kritis. Langkah-langkah untuk melaksanakan pembelajaran berasaskan masalah adalah seperti yang berikut:

- guru mengutarakan masalah yang berasaskan situasi sebenar. Pelajar membaca dan mengenal pasti masalah yang diutarakan;
- pelajar menganalisis masalah yang diberikan, menjana idea daripada semua ahli kumpulan dan menyusun semula idea secara sistematik dan membuat analisis secara mendalam; dan
- pelajar mencari dan mengumpul maklumat/sumber. Kemudian memilih sumber maklumat dengan cermat dan membuat ringkasan dengan menggunakan ayat sendiri. Akhir sekali pelajar berkongsi dan menggabungkan maklumat yang diperoleh.

**Sila rujuk juga laman STP pendekatan pengajaran dan pembelajaran yang sesuai dilaksanakan.*

Rujukan

- Abbas Mohd. Shariff, Strategi Pengajaran & Pembelajaran Bahasa. AMS. 2006)
- Black, P & William, D. (1998b). Assessment and Classroom Learning, Assessment. Di dalam Education Principle, Policy and Practice, 5(1), hlm. 7-74. <https://doi.org/10.1080/0969595980050102>.
- Canale, M. (1983). From communicative competence to communicative language pedagogy. In Richards and Schmidt (eds.) Language and communication. London: Longman. pp. 2-27.
- Canale, M., & Swain, M. (1980). Theoretical bases of communicative approaches to secondlanguage teaching and testing. Applied linguistics, 1(1), 1-47. <http://dx.doi.org/10.1093/applin/1.1>.
- COMMON EUROPEAN FRAMEWORK OF REFERENCE FOR LANGUAGES: LEARNING, TEACHING, ASSESSMENT Companion volume. www.coe.int/lang-cefr
- Hymes, D., (1972). 'On Communicative Competence'. Di dalam J.B/. Prode and J Holmes, eds. Sociolinguistics. Harmondsworth, England: Penguin Books.
- Jack C. Richards (2006). Communicative Language Teaching Today. Cambridge University Press (2006).
- Kramsch, C., (1994). Foreign Language for a Global Age, ADFL Bulletin Vol. 25 No.1 , 5-12(8), 0148-7639.
- Laporan Jawatankuasa Semakan Kurikulum dan Pedagogi Bahasa Melayu 2005, (2006). Kementerian Pendidikan Singapura.
- Laporan Jawatankuasa Semakan Bahasa Ibunda 2010, (2011). Kementerian Pendidikan Singapura.
- Routledge Ebcyclopedia of Language Teaching and Learning Second Edition. Routledge. 2017
- Shahabuddin Hashim et. al., Strategi & Teknik Mengajar dengan Berkesan. PTS. 2003.
- Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu (Program Khas), Sekolah Menengah 2015, (2015). Bahagian Perancangan dan Pembangunan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Singapura.